


# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI RABU: 11 MARCH 2009**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 12 HINGGA 73)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**  
**[ TELOK INTAN ]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**SOALAN :**

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan negara kita mengalami kekurangan pakar perubatan dan doktor terutamanya di Sabah dan Sarawak. Mengapakah seorang pelajar selepas pengajian perubatan mengambil masa tiga hingga enam bulan untuk pendaftarannya diproses sebelum mereka dapat memulakan latihan doktor pelatih atau hospital kita.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Melalui semakan yang dilakukan oleh Kementerian, mendapati Kementerian Kesihatan hanya mengambil masa selama antara dua hingga empat minggu sahaja seorang Pegawai Perubatan Latihan Siswazah ditempatkan di hospital-hospital Kerajaan, selepas menerima surat lantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

(SPA). Walau bagaimanapun, isu kelewatan pelantikan ini yang didakwa memakan masa yang panjang sebenarnya tidak timbul ekoran daripada calon-calon tersebut. Ia timbul akibat daripada temuduga kepada bakal-bakal calon telah diadakan semasa mereka berada pada tahun akhir pengajiannya, sedangkan untuk dilantik sebagai Pegawai Perubatan, calon-calon mesti mempunyai ijazah dalam bidang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian telah dan akan sentiasa menambahbaik proses lantikan supaya masalah seumpama ini dapat diselesaikan dan penempatan ini dapat dilakukan secepat mungkin.

## SOALAN 13

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN  
KHALID [PADANG BESAR]**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN : MEMINTA MENTERI  
PELANCONGAN**

**menyatakan :**

Adakah pihak Kementerian mempunyai statistik mengenai peratus (%) pelancong asing yang berulang (repeat tourist) ke Pulau Langkawi bagi tahun-tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Jika ada, minta disenaraikan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan tidak pernah mempunyai statistik pelancong asing yang berulang (repeat tourist) ke Langkawi mahupun Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI**  
**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**  
**SOALAN : NO. 14**

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa bilangan dan nama universiti awam yang membenarkan penubuhan Persatuan Bahasa Cina dalam universiti, universiti-universiti yang manakah tidak membenarkannya walaupun ada menerima permohonan penubuhan persatuan tersebut oleh mahasiswa dan nyatakan sebab-sebab penolakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, 6 buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai Persatuan Bahasa Cina. Di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula, ianya dikenali sebagai Persatuan Kumpulan Seni Budaya Tionghua.

Penubuhan persatuan atau kelab adalah tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh pihak pengurusan universiti. Pada dasarnya, IPTA tidak membenarkan penubuhan persatuan atau kelab yang berasaskan kaum dan kedaerahan. Namun, untuk memastikan persatuan berjalan seiring dengan keperluan perundangan tanpa ada unsur berat sebelah kepada sesuatu kaum, Kementerian menggalakkan persatuan yang bersifat kebudayaan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar untuk memahami kebudayaan sesuatu kaum di samping menjadikannya sebagai wadah integrasi di kalangan pelajar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
(SIK)**

**TARIKH : 11.3.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan peranan sekolah sebagai tempat mengesan dan membekalkan pelapis jaguh sukan Negara telah lama berlaku tetapi dalam masa yang sama peranan Kementerian ini untuk membantu penyediaan kemudahan asas sukan di sekolah masih tidak jelas. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini?

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjalankan usaha secara berterusan bagi tujuan memastikan segala program pembangunan sukan di sekolah-sekolah dapat dilaksanakan secara berkesan. Usaha ini termasuklah bagi menyediakan kemudahan asas sukan di sekolah-sekolah selaras dengan peranan sekolah sebagai tempat mengesan dan membekalkan pelapis jaguh sukan negara di masa akan datang.

Dalam konteks tersebut, pihak KPM telah memperuntukkan sejumlah **RM 142** juta bagi tujuan pembinaan prasarana sukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek-projek menyediakan prasarana dan kemudahan sukan ini merangkumi projek bagi pembinaan trek 400 meter di 15 buah Sekolah

Sukan Negeri, 13 padang turf hoki, 29 gelanggang serbaguna terbuka berbumbung, 6 dewan badminton, 12 dewan gimnastik, 13 gelanggang tenis, 13 gelanggang skuasy dan menaik taraf 111 padang bola sepak:

Selain daripada itu, di bawah peruntukan RMKe-9 juga, pihak KPM telah memperuntukan sejumlah RM 14 juta bagi tujuan pelaksanaan projek menaik taraf Sekolah Sukan Malaysia sedia ada iaitu di Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP), Johor. Projek naik taraf tersebut merangkumi pembinaan kuarters kelas 'F' 4 tingkat dan bangunan serbaguna 4 tingkat di SSBJ, serta menaik taraf lantai dewan serbaguna dan pembinaan makmal sains pergerakan di SSBP.

Kerja-kerja tanah dan pembinaan bangunan bagi projek pembinaan dua (2) buah Sekolah Sukan Malaysia yang baru di Pahang dan Sabah sedang giat dijalankan dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**KAWASAN : TELOK KEMANG**

**TARIKH : 11.03.2009 (RABU)**

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG) minta  
**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**  
menyatakan:-

- (a) jumlah syarikat di bawah industri kecil dan sederhana yang telah dan dijangka akan menutup operasinya kesan daripada kegawatan dan kelembapan ekonomi global; dan
- (b) usaha dan tindakan yang diambil untuk membantu syarikat-syarikat berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Berdasarkan maklumbalas daripada satu kajian yang dijalankan oleh SMIDEC untuk menilai impak kesan krisis ekonomi dan kewangan global, 49.3 peratus daripada sejumlah 1,143 responden dijangka akan menerima kesan daripada krisis tersebut.

Walaupun bagaimanapun, hanya 29.6 peratus daripada responden memberi maklumbalas akan memberhentikan operasi buat sementara waktu. Setakat ini, MITI tidak mempunyai data yang terperinci mengenai jumlah EKS yang dijangka akan memberhentikan operasi akibat kegawatan ekonomi.

(b) Antara usaha dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membantu syarikat EKS dalam menghadapi kelembapan ekonomi global adalah:

- Penubuhan dana RM300 juta untuk melaksanakan program latihan kemahiran yang ditumpukan ke arah memenuhi keperluan majikan dan industri, terutamanya di Koridor-koridor Pembangunan.
- Penubuhan dana sebanyak RM100 juta bagi penambahan premis perniagaan di samping memperindahkan suasana pekan-pekan kecil yang terpilih di seluruh Negara.
- Penyediaan pinjaman mudah sebanyak RM 200 juta bagi melaksanakan skim mikro kredit oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

- **Penyediaan dana modal pusingan RM100 juta untuk Program Kewangan Mikro Bandar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).**
- **Penubuhan Skim Bantuan Jaminan EKS oleh BNM bagi memastikan EKS berdaya maju yang menerima kesan buruk daripada kelembapan ekonomi semasa akan terus mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan adanya perlindungan jaminan, adalah dijangka bahawa akses pembiayaan kepada PKS yang berdaya maju akan dipermudahkan, pada kos yang lebih rendah.**
- **Pengecuallan duti sepenuh ke atas bahan mentah dan barangan perantaraan bagi aktiviti perkilangan domestik.**

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
[ LANGKAWI ]  
TARIKH : 11 MAC 2009  
SOALAN :**

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) bilakah masalah *Sea Ambulance* di Langkawi dapat diselesaikan seperti apa yang telah diperkatakan oleh YB Menteri; dan
- (b) apakah alternatif selain *Sea Ambulance* yang dirancang untuk penduduk di Langkawi dan kepulauan lain seperti Pangkor, Tioman dan Labuan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) "*Sea Ambulance*" diperolehi oleh Jabatan Laut dibawah Kementerian Pengangkutan. Pada masa ini bot ini masih dalam proses *Testing & Commissioning* di Pulau Pinang dan masih belum diserahkan ke Jabatan Laut Langkawi. Perbincangan pihak Kementerian Kesihatan dengan Jabatan Laut perlu diadakan untuk meneroka aspek-aspek perkongsian sumber diantara Jabatan atau Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (b) Pihak Kementerian sedang menimbang alternatif lain untuk penduduk di Pulau Langkawi, samada ada dengan pembelian dan pengendalian "*Sea Ambulance*" oleh Hospital Langkawi sendiri atau membeli perkhidmatan dari pihak ketiga (*outsourc*e) untuk kegunaan Hospital Langkawi. Alternatif ini juga digunapakai untuk kepulauan lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI**  
**(TAWAU)**  
**TARIKH : 11.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapa orang murid yang telah diberhentikan persekolahannya dari sekolah-sekolah rendah dan menengah negeri Sabah dan khasnya di Tawau pada awal tahun 2009; dan;
- (b) apakah sebab-sebab mereka diberhentikan persekolahannya, adakah Kementerian Pelajaran memberi kelulusan khas untuk kanak-kanak yang ibubapanya telah memohon kewarganegaraan Malaysia secara berulang-ulang selama lebih dari 20 tahun.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk menyediakan pendidikan kepada semua anak-anak warga Malaysia untuk bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 16 Januari 2008, kerajaan juga telah bersetuju bahawa anak-anak warganegara Malaysia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri, boleh diterima masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berdasarkan;

- i. mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia, dan
- ii. surat pengesahan atau surat perakuan ketua kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

Sehingga 10 Mac 2009, tiada murid yang telah diberhentikan persekolahan di negeri Sabah disebabkan masalah kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kajian murid yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri untuk diberikan peluang pendidikan telah dijalankan di Semporna, Sabah telah selesai dijalankan pada bulan Februari 2009. Dapatan kajian tersebut telah dibentangkan di beberapa mesyuarat tertinggi KPM untuk mendapat pandangan dan maklum balas. **Tindakan untuk mengeluarkan arahan** berhubung persekolahan kanak-kanak yang tiada dokumen pengenalan diri sama ada murid warganegara ataupun bukan warganegara akan diumumkan dalam masa yang terdekat ini.

No: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN DING KUONG HING**  
**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**  
**NO. SOALAN : NO.19**

Tuan Ding Kuong Hing [ Sarikei ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mendirikan sebarang sekolah teknik, politeknik atau kolej komuniti yang ditaja oleh Kerajaan di Bahagian Sarikei yang telah disediakan tapak berlokasi di Lot 365, Blok 59, Sarikei Land District. Jika ada, nyatakan bila dan jumlah peruntukan dan status. Jika tidak, kenapa?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lot tanah yang dimaksudkan merupakan cadangan tapak Sekolah Menengah Vokasional di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai sebarang cadangan untuk mendirikan politeknik atau kolej komuniti di tapak tersebut. Kementerian berpandangan bilangan politeknik dan kolej komuniti di Sarawak pada masa ini mampu menampung akses pengajian ke institusi pengajian tersebut. Pada masa ini, terdapat 2 buah politeknik iaitu Politeknik Kuching, Sarawak dan Politeknik Mukah serta 5 buah kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Santubong, Kuching, Mas Gading, Betong, dan Miri.

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI  
( BAGAN SERI )  
TARIKH : 11. 03. 2009  
NO. SOALAN : 20

TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI ( BAGAN SERI ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah langkah-langkah untuk menghalang penyalahgunaan logo HALAL :-

- (a) berapakah jumlahnya; dan
- (b) apakah bentuk hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972 untuk menentukan kesahihan perbahaasan halal yang digunakan dalam perdagangan atau perniagaan. Kementerian telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan, termasuk kilang-kilang makanan yang menggunakan perbahaasan halal pada produknya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

No: 20

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI  
( BAGAN SERI )  
TARIKH : 11. 03. 2009  
NO. SOALAN : 20

TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI ( BAGAN SERI ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah langkah-langkah untuk menghalang penyalahgunaan logo HALAL :-

- (a) berapakah jumlahnya; dan
- (b) apakah bentuk hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972 untuk menentukan kesahihan perbhasaan halal yang digunakan dalam perdagangan atau perniagaan. Kementerian telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan, termasuk kilang-kilang makanan yang menggunakan perbhasaan halal pada produknya.

2. Penguatkuasaan dilaksanakan bagi menentukan logo yang digunakan itu hanya dikeluarkan melalui pensijilan yang sah daripada pihak Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) ataupun pihak JAIN. Bagi logo-logo yang dikeluarkan oleh pihak swasta lain, pemeriksaan dilakukan untuk menentukan pengesahan halal dibuat tersebut dibuat mengikut hukum syarak.

(a) Dari tahun 2005 hingga Februari 2009, sebanyak 35,904 premis telah diperiksa di seluruh negara oleh Kementerian ini berhubung pematuhan penggunaan perbahasaan halal. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 224 kes penyelewengan diambil tindakan dengan nilai rampasan sebanyak RM 5.25 juta. Daripada jumlah ini, 86 kes telah dikompaun dan jumlah keseluruhan kompaun yang dikenakan ialah RM 383,300.00.

(b) Di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, pesalah individu boleh dikenakan tindakan mahkamah dan hukuman sehingga RM 100,000.00 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya atau jika pesalah adalah badan korporat boleh dikenakan denda sehingga RM 250,000.00. Pesalah juga boleh dikompaun dan jumlah kompaun yang boleh dikenakan adalah sehingga penalti maksimum yang diperuntukkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Dato' Abdul Manan bin Ismail  
[ Paya Besar ]  
TARIKH : 11 Mac 2009  
SOALAN : Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana dasar dan usaha Kerajaan telah dilaksanakan dalam pembangunan modal insan yang selaras dengan sahsiah Islam

**Jawapan:**

**Tuan Yang di Pertua,**

Pelbagai Program Pembangunan Modal Insan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Melalui pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari dan Dasar Penerapan Nilai Islam, Kerajaan sentiasa berusaha mendidik masyarakat agar mengamalkan penghayatan hidup berdasarkan sahsiah Islam secara menyeluruh. Antara dasar dan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui JAKIM dalam program pembangunan modal insan yang selaras dengan sahsiah Islam adalah seperti berikut :

**1. KURSUS PEMBANGUNAN INSAN KEPADA  
KAKITANGAN AWAM**

Bermula tahun 2007 Kerajaan telah memperkenalkan Kursus Bina Insan, Bina Taqwa dan Tasawwur Islam berdasarkan Pendekatan Islam Hadhari kepada Kakitangan Awam. Bagi tahun 2008 JAKIM bersama pihak Kementerian telah melaksanakan 43 siri Kursus Pendekatan Islam Hadhari kepada 1,909 orang Kakitangan Awam berdasarkan Modul yang telah ditetapkan. Program ini akan diteruskan pada setiap tahun.

**Jadual 1 : Statistik Pelaksanaan Kursus Pembangunan Insan Modul Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan Oleh Kementerian**

**Bagi Tahun 2008**

Bil.	Kementerian/Agensi	Kursus/Modul			Jumlah Peserta (Orang)
		Bina Insan	Bina Taqwa	Tasawwur Islam	
1	Kementerian Kewangan	8	-	-	308
2	Kem Kesihatan	2	-	-	91
3	Jabatan Perdana Menteri	5	1	-	271
4	Kementerian Pem. Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2	1	-	108
5	Kementerian Sumber Manusia	2	-	-	74
6	Kem. Sains dan Inovasi	1	-	-	25
7	Kem. Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	1	-	-	24
8	Kem. Penerangan	3	-	-	80
9	Kem. Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	3	-	-	92
10	Kem. Dalam Negeri	1	1	-	111
11	Kem. Pelajaran	2	2	1	427
12	Kem. Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1	-	-	35
13	Kem. Pertanian	2	-	-	82
14	Kem. Belia dan Sukan	1	1	-	66
15	Kementerian Pelancongan	1	-	-	30
16	Kem. Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2	-	-	85
	<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>1909</b>

**2. KURSUS-KURSUS DAKWAH DAN PENGURUSAN ISLAM  
(BERMODUL)**

JAKIM, melalui Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) telah melaksanakan pelbagai siri kursus dan seminar. Sebagai contoh, pada tahun 2007, ILIM telah melaksanakan tidak kurang daripada 214 siri kursus yang disertai oleh seramai 12,169 orang peserta, terdiri dari kalangan penjawat awam, sektor swasta, golongan belia, mahasiswa IPT dan pelajar sekolah.

Manakala di Sabah kursus dakwah dan Pembangunan Insan dilaksanakan di empat pusat latihan pusat latihan dakwah Keningau, Kundasang, Kudat dan Lahat Datu. Pelbagai modul kursus jangka panjang persijilan dakwah dilaksanakan sejak 1984. Setakat ini seramai 6,526 pelatih telah mengikuti kursus tersebut.

Manakala di Sarawak, kursus dakwah dan Pembangunan Insan dilaksanakan di 2 buah institusi latihan dakwah iaitu Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) dan Pusat Latihan Islam Sarawak (PLS) Kuching, yang beroperasi sejak 1990. Seramai 282 kader dakwah dalam peringkat diploma telah berjaya dilahirkan.

**3. PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN PERINGKAT RENDAH  
DAN MENENGAH**

Sejak tahun 1983, Urusetia Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Agama Islam (LEPAI), JAKIM telah menyelaras dan menyeragam sistem pendidikan, kurikulum dan kokurikulum Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN), Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) secara tersusun dan sistematik. Bermula tahun 1990 program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) diperkenalkan. Pada masa ini terdapat seramai 1,105,397 juta pelajar KAFA di seluruh negara melibatkan seramai 33,475 orang guru dan 247 orang penyelia.

**4. PROGRAM TAHFIZ AL-QURAN**

Pada tahun 1966, program Tahfiz Al-Quran telah diperkenalkan di Masjid Negara dengan disertai oleh 8 orang pelajar yang dihantar oleh pihak Negeri-negeri. Program tahfiz ini kemudiannya telah diinstitusikan menjadi Darul Quran yang kini terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Sehingga kini seramai 2,295 graduan hafiz telah berjaya dilahirkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,510 graduan lelaki dan 785 orang graduan wanita. Pada masa ini, tidak kurang 850 orang pelajar peringkat sijil dan diploma dilatih setiap tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH MAHMUD**

**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Y.B. Dr. Siti Mariah Mahmud** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pusat komuniti NUR yang telah dan sedang ditubuhkan di seluruh negara mengikut pecahan negeri dan apakah kayu ukur yang telah ditetapkan dan digunakan oleh pihak Kementerian di dalam menilai kejayaan program NUR.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **16** Dewan Nur telah diwujudkan di 16 buah

Kawasan Parlimen iaitu:

1. Shah Alam, Selangor
2. Lembah Pantai, Kuala Lumpur
3. Tanah Merah, Kelantan
4. Merbok, Kedah
5. Jempol, Negeri Sembilan
6. Pekan, Pahang
7. Bukit Bendera, Pulau Pinang
8. Balik Pulau, Pulau Pinang
9. Bukit Mertajam, Pulau Pinang
10. Jasin, Melaka
11. Silam, Sabah
12. Muar, Johor
13. Nibong Tebal, Pulau Pinang

14. Masjid Tanah, Melaka
15. Kepala Batas, Pulau Pinang
16. Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Nur diwujudkan sebagai sebuah pusat aktiviti bagi wanita setempat bagi melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti tersebut iaitu:

a) Latihan Dan Pendidikan:

- i. Kursus Pembangunan Wanita
- ii. Kursus Pembangunan Keluarga Dan Keibubapaan
- iii. Ceramah
- iv. Forum
- v. Bengkel

b) Advokasi Dan Promosi

- i. Pemasaran Sosial
- ii. Pemasaran Pakej Perkhidmatan
- iii. Kempen

- c) Mesyuarat dan Majlis:
  - i. Majlis ramah mesra dan jamuan perayaan
  - ii. Majlis pelancaran program
  
- d) Pusat aduan dan khidmat wanita

Tuan Yang di-Pertua,

Keberkesanan program yang dijalankan di Dewan Nur sentiasa dinilai oleh pihak Kementerian ke atas setiap aktiviti yang dijalankan di setiap Dewan Nur. Ini termasuk maklumbalas dari para peserta yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan dan diperolehi melalui borang penilaian yang disediakan. Keberkesanan program di Dewan Nur juga dinilai dari segi kehadiran dan penyertaan peserta dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**KAWASAN : KAPIT**  
**TARIKH : 11.03.2009**

**Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan kadar produktiviti ke semua pihak pengusaha dan pekerja untuk memperkukuhkan lagi status ekonomi negara Malaysia, khususnya di masa fenomena masalah kemelesetan ekonomi global yang melanda kita sekarang.

Tuan Yang Di Pertua,

Ekonomi negara telah mencatatkan peningkatan produktiviti yang memberangsangkan pada tahun 2007 iaitu sebanyak 4.2%. Pencapaian ini mengatasi pencapaian yang dicapai oleh sesetengah negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* seperti Korea (3.6%), UK (2.6%), Jepun (1.5%), Amerika Syarikat (1.1%), Jerman (0.9%) dan Perancis (0.8%). Di kalangan negara-negara Asia, pertumbuhan produktiviti negara mengatasi pertumbuhan negara Indonesia (3.8%), Taiwan (3.3%), Hong Kong (3.2%), Thailand (3.1%) dan Singapura (-0.9%). Bagi tahun 2008, berdasarkan data yang masih dikumpulkan, negara dijangka akan mencatatkan pertumbuhan produktiviti dalam lingkungan 3% hingga 3.5%.

Kerajaan sedar akan kesan dan cabaran yang akan dihadapi akibat kemelesetan ekonomi global masa ini terhadap ekonomi negara.

**Sehubungan itu, Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan produktiviti bagi memastikan negara dapat menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi global dengan berkesan dan memastikan daya saing negara dapat dikekalkan dan dipertingkatkan.**

**Antara langkah-langkah bagi meningkatkan produktiviti negara yang akan dilaksanakan termasuklah:**

- (i) memastikan terdapatnya penawaran kepakaran tempatan di dalam bidang produktiviti dan kualiti. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan latihan secara berterusan dan juga latihan semula (re-training) bagi memastikan pekerja-pekerja mendapat kepakaran yang bersesuaian dengan persekitaran semasa perniagaan;**
- (ii) membantu mengurangkan kos latihan pembangunan modal insan syarikat melalui pemberian insentif oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) iaitu pengurangan kadar bayaran latihan sehingga 50% untuk syarikat bukan IKS dan pengurangan kadar sehingga 80% dari kadar biasa kepada syarikat IKS;**
- (iii) memberi penekanan secara berterusan terhadap amalan cara bekerja yang produktif kepada para pengusaha dan pekerja untuk memastikan kos pengeluaran yang kompetitif agar dapat menjana produktiviti yang lebih tinggi; dan**
- (iv) membina dan mempertingkatkan sistem penyampalan sektor awam, serta membina persekitaran perniagaan yang lebih kondusif bagi mempertingkatkan produktiviti.**

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**  
**[ KUBANG KERIAN ]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**SOALAN :**

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah memulakan kajian semula harga gas bagi sektor tenaga bagi membolehkan tarif elektrik diturunkan dan jika dimulakan, sejauh manakah perkembangannya serta apakah tindakan susulan jika kajian itu disiapkan.**

**Jawapan**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian atau semakan semula harga gas bagi sektor elektrik dan bukan elektrik telah selesai dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan pengumuman mengenai harga baru gas telah dibuat oleh Kerajaan pada 11 Februari 2009. Langkah untuk mempercepatkan semakan semula harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik adalah dibuat sebagai inisiatif rangsangan tambahan bagi membantu pihak industri menghadapi kelembapan ekonomi. Melalui semakan semula ini, harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik dicadang dikurangkan selaras dengan trend harga minyak mentah dunia yang kini berada di paras yang rendah.

Dalam hubungan ini, berkuatkuasa 1 Mac 2009, harga baru gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik adalah seperti berikut:

- Harga gas yang dibekalkan oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) untuk sektor elektrik dikurangkan daripada RM 14.31 / million British thermal Unit (MMBtu) kepada RM 10.70 / MMBtu. Dengan ini tariff purata elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada pengguna akhir dikurangkan daripada 32.5 sen/kWj kepada 31.31 sen/kWj;
- Harga purata gas yang dibekalkan oleh Gas Malaysia Sdn. Bhd. untuk sektor industri dan pelanggan lain yang menggunakan gas kurang daripada 2 juta kaki padu sehari (mmscfd) dikurangkan daripada RM 22.06 / MMBtu kepada RM 15.00 / MMBtu;
- Harga gas untuk sektor industri yang penggunaan gas melebihi 2 mmscfd dikurangkan daripada RM 23.88 / MMBtu kepada RM 15.35 / MMBtu.

Selain itu, Kerajaan juga telah memutuskan bahawa harga gas akan disemak semula dua kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun. Diskaun harga gas ini, walau bagaimanapun, hanya terpakai untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING  
(BINTULU)**

**TARIKH : 11.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) adakah masih terdapatnya kes-kes keciciran pelajar di tahap membimbangkan terutamanya di negeri Sarawak; dan
- (b) sejauh manakah pihak Kementerian cuba mengatasi masalah keciciran pelajar ini dan bagaimanakah pula langkah Kerajaan membantu pelajar yang telah tercicir seperti dalam mencari pekerjaan yang sesuai.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya prihatin terhadap masalah keciciran murid di negara ini. Keciciran yang berlaku dalam kalangan murid tidak semestinya bermaksud murid-murid ini telah meninggalkan alam persekolahan. Sebaliknya, kebanyakan daripada murid-murid ini meneruskan pendidikan di sekolah-sekolah bukan di bawah KPM seperti sekolah-sekolah swasta atau persatuan-persatuan di bawah Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta agensi-agensi lain yang menawarkan pendidikan secara latihan

kemahiran termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Namun, tidak dapat dinafikan terdapat sebilangan kecil murid yang tercicir kerana tidak berminat terhadap pelajaran dan memasuki alam pekerjaan. Dalam kalangan murid-murid pendidikan khas pula, terdapat murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana masalah kecacatan atau masalah kesihatan yang dialami.

KPM cukup prihatin dalam menangani masalah pelajar yang keciciran dalam pembelajaran. Sehubungan itu, KPM telah menggariskan beberapa strategi bagi mengatasi atau mengurangkan masalah keciciran murid. Antara strategi tersebut ialah menguatkuasakan pendidikan wajib, menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti kemudahan asrama di sekolah-sekolah harian termasuk di sekolah-sekolah pendidikan khas terpilih, pemberian bantuan kewangan melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Skim Bantuan Tuisyen dan bayaran yuran peperiksaan secara percuma.

NW:28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN [26]

DARIPADA : YB Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)

TARIKH : 11 MAC 2009

SOALAN : YB Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan persidangan-persidangan yang dihadiri oleh Perdana Menteri Malaysia semasa menjadi pengerusi Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Apakah pencapaian yang dicapai semasa beliau memegang jawatan tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaku Ketua Kerajaan bagi Malaysia yang telah mempengerusikan OIC, YAB Perdana Menteri telah melibatkan diri dalam pelbagai persidangan, antara lain termasuk:

- Mesyuarat Suruhanjaya Tokoh-Tokoh Kenamaan OIC pada 27 Januari 2005 di Putrajaya;
- Pelancaran Program Bina Upaya bagi Negara OIC pada 29 Mac 2005 di Kuala Lumpur;
- Sesi Khas Sidang Kemuncak OIC pada 7 dan 8 Disember 2005 di Makkah, Arab Saudi;
- Mesyuarat Suruhanjaya Visi 1440 Bank Pembangunan Islam pada 23 Mac 2006 di Kuala Lumpur ;
- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebar mengenai Lubnan dan Palestin pada 3 Ogos 2006 di Putrajaya ;
- Persidangan Zakat Antarabangsa pada 28 November 2006 di Kuala Lumpur; dan
- Forum Ekonomi Islam Sedunia (*World Islamic Economic Forum – WIEF*) pada tahun 1 hingga 3 Oktober 2005 dan 27 hingga 29 Mei 2007 di Kuala Lumpur, 5 hingga 7 November 2006 di Islamabad, 29 April hingga 1 Mei 2008 di Kuwait dan 2 hingga 3 Mac 2009 di Jakarta.

Sebagai Pengerusi Persidangan Negara-Negara -Islam (OIC) dari tahun 2003 hingga 2008, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif yang konkrit seperti mewujudkan program bina upaya, memajukan perbankan Islam dan industri halal dan juga mengasaskan *World Islamic Economic Forum*.

SOALAN NO : 27

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH:11.03.2009

SOALAN: **TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah untuk menjaga keselamatan para nelayan kita yang beroperasi dalam perairan negara kita yang selalu diganggu oleh pihak kapal negara asing yang bersenjata. Langkah berkesan harus diambil memandangkan isu ini sudah lama wujud dan belum dapat di atasi sehingga hari ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk menentukan keselamatan nelayan-nelayan Malaysia yang beroperasi di perairan lebih terjamin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sedang berusaha meningkatkan lagi operasi dan kehadiran kapal-kapal APMM di laut bagi menentukan nelayan-nelayan tidak diganggu oleh kapal negara asing yang bersenjata.

Semasa beroperasi APMM telah menumpukan kepada rondaan di perairan negara yang sering dikatakan menjadi perhatian kawasan di mana nelayan-nelayan diganggu oleh pihak kapal negara asing. Rondaan bertujuan memperagakan keupayaan APMM yang dijangka meningkat apabila pesawat udara yang diterima APMM dapat beroperasi setelah selesai latihan penyesuaian juruterbang-juruterbangnya.

Justeru itu APMM akan terus melaksanakan tugas yang diamanahkan Kerajaan untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan perairan maritim negara sentiasa selamat dari sebarang pencerobohan termasuk pencerobohan oleh nelayan asing.

-----XXX-----

**Disediakan oleh:**

**NAMA : KDR MARITIM AB. AZIZ BIN IDRUS**

**JAWATAN : PENOLONG PENGARAH KANAN**

**H/P : 012-3032089**

**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]

**TARIKH** : 11 MAC 2009

**SOALAN** :

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keseluruhan tanah rizab Melayu di seluruh negara dan berapakah jumlah tanah rizab Melayu yang telah diambil oleh Kerajaan untuk projek pembangunan dan apakah ianya diganti mengikut kehendak Perlembagaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008 jumlah Tanah Rizab Melayu (TRM) di seluruh Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan seluas 4.3 juta hektar atau 32.0 % daripada jumlah keseluruhan tanah di Semenanjung Malaysia berbanding dengan 2.4 juta hektar pada tahun 1947.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]**  
**TARIKH** : **11 Mac 2009**  
**SOALAN** : **Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]**  
**minta Menteri Pertanian Dan**  
**Industri Asas Tani menyatakan :**

Jagung merupakan makanan ternakan yang utama. Negara kita masih bergantung pada jagung import untuk membekalkan keperluan bidang penternakan. Berapakah jumlah tan metrik dan nilai import jagung pada tahun 2007 dan 2008.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jagung bijirin adalah merupakan rumusan utama makanan ternakan iaitu lebih kurang 50% dalam makanan ayam dan 25% dalam makanan babi. Kandungan tenaga dan protein yang tinggi dalam jagung merupakan faktor pemilihannya sebagai antara bahari makanan utama ternakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana penanaman jagung adalah kurang sesuai di negara ini disebabkan faktor cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun, maka bekalan jagung terpaksa bergantung kepada sumber import dari negara luar seperti Amerika Syarikat, Argentina, Brazil, China, India, Thailand dan Vietnam.

Pada tahun 2007, jumlah import jagung adalah sebanyak 2.53 juta tan metrik bernilai RM2,017 juta, manakala pada tahun 2008; jumlah import jagung adalah sebanyak 1.86 juta tan metrik bernilai RM1,823 juta.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**SOALAN :**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah wang telah digunakan oleh Petronas untuk menaja pasukan Petronas Sauber F1 pada tahun 2007, 2008 dan 2009 dan apakah sebab-sebab Petronas masih menaja pasukan tersebut pada masa krisis ekonomi dunia yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan pasukan Formula 1 oleh PETRONAS bermula sejak tahun 1995. Langkah ini diambil sebagai salah satu usaha penjenamaan untuk memperkenalkan PETRONAS dan Malaysia di persada global, sejajar dengan strateginya untuk mengembangkan lagi operasinya ke luar negara. Kos yang terlibat bagi menaja pasukan Formula 1 adalah kecil (kira-kira 5%) jika dibandingkan dengan jumlah kos yang perlu ditanggung oleh PETRONAS sekiranya usaha penjenamaan yang sama dilakukan melalui iklan dan promosi.

Selain daripada penjenamaan, pembabitan PETRONAS di dalam Formula 1 adalah juga bertujuan membantu PETRONAS di bidang penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*) produk serta pemindahan teknologi. Melalui kerjasama dengan pasukan-pasukan tajaanannya, kakitangan PETRONAS telah mempelajari dan berjaya mengaplikasikan teknologi-teknologi kejuruteraan canggih dan terkini daripada Formula 1 ke dalam operasi-operasinya, seterusnya membantu mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti. Ianya juga telah membantu PETRONAS di dalam pembangunan produk-produk bahan bakar dan pelincir yang berkualiti.

SOALAN NO: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
(PULAI)**

**TARIKH : 11 Mac 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada punca kelewatan pelaksanaan projek di dalam setiap Rancangan Malaysia adalah disebabkan oleh kurang kordinasi di antara Jabatan Kerajaan. Apakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem *approval gates* seperti yang digunakan oleh Kerajaan British untuk meluluskan projek dan melicinkan pelaksanaan projek tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan projek dilakukan melalui proses rundingan (*consultation*) dengan semua Kementerian dan agensi pelaksana. Antara punca kelewatan pelaksanaan projek kerana biasanya Rancangan Pembangunan Lima Tahun dibentang di Parlimen dan dilulus pada pertengahan tahun pertama Rancangan berkaitan. Contohnya, RMKe-9 dibentang pada Mac 2006 dan dilulus pada pertengahan tahun 2006, iaitu tahun pertama RMKe-9. Ini

menyebabkan peruntukan bagi tahun 2006 tidak mengambilkira peruntukan bagi projek baru RMKe-9 kerana bajet tahun 2006, telah dibentang di Parlimen pada Oktober 2005, iaitu sebelum bermulanya tempoh RMKe-9. Justeru itu, peruntukan bagi projek-projek baru RMKe-9 hanya diperolehi melalui bajet tambahan yang dibentang pada bulan September 2006. Ini sebenarnya punca kepada kelewatan bermulanya projek-projek baru di bawah sesuatu Rancangan Pembangunan. Bagi memastikan kelewatan ini diatasi, pembentangan RMKe-10 akan dilakukan pada tahun 2010, iaitu tahun terakhir RMKe-9 bagi membolehkan peruntukan tahun pertama RMKe-10, iaitu tahun 2011 telah diambilkira dalam penyediaan Bajet 2010.

Bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, pemantauan pelaksanaan projek dilakukan oleh Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai oleh semua Ketua Setiausaha Kementerian. Antara lain fungsi JKTN adalah untuk memastikan pelaksanaan projek pembangunan berjalan lancar. Pelaksanaan projek pembangunan juga dipantau melalui Sistem Pemantauan Projek (SPP II). Di peringkat Kementerian pula, pemantauan pelaksanaan projek dilakukan melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian.

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1672**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anak-anak tanpa kewarganagaraan yang telah dikesan di seluruh negara dan apakah langkah-langkah bagi membantu anak-anak tersebut untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, seramai **32,440** orang kanak-kanak bertaraf Bukan Warganegara telah dikesan di seluruh negara dari tahun 2005 hingga 2008. Bagi membolehkan kanak-kanak ini dipertimbangkan taraf kewarganegaraan Malaysia, ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak hendaklah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Jabatan Pendaftaran Negara telah mempermudah urusan permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan melalui pendekatan seperti berikut:-

1. Mengadakan Program MyDaftar dan Operasi bergerak bertujuan untuk menerima permohonan dokumen pengenalan diri termasuk permohonan kewarganegaraan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti masih ramai yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri;

## SULIT

2. Membuka kaunter perkhidmatan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan Ibu Pejabat JPN Negeri pada hari Sabtu dan Ahad mulai jam 8 pagi hingga 1 petang; dan
3. Membuka kaunter perkhidmatan pada waktu rehat termasuk hari Jumaat.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
[KUALA NERUS]

**TARIKH** : 11 MAC 2009

**SOALAN** :

Dato' Mohd Nasir Bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Pelan Induk Tebatan Banjir atau (PITB) telah pun dirancang bagi mengatasi masalah banjir di Pantai timur. Sejauh manakah pelan ini telah dilaksanakan dan apakah jaminan Kerajaan dari pelaksanaan pelan ini agar penduduk di kawasan terbabit tidak akan terus menjadi mangsa banjir.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan perancangan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bagi seluruh negara termasuk negeri-negeri di Pantai Timur. JPS melaksanakan program tebatan banjir ini secara berperingkat-peringkat

mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peruntukan yang diluluskan bagi tebatan banjir di negeri-negeri di Pantai Timur adalah sejumlah RM474.05 juta.

Kementerian yakin dengan pelaksanaan Program Tebatan Banjir dalam jangka masa panjang masalah banjir di kawasan-kawasan yang terlibat di Pantai Timur akan dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1571**

**SOALAN :**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan ada mempertimbangkan cadangan oleh Ketua Polis Negara untuk melarang penggunaan motosikal di bandar raya bagi mengurangkan jenayah ragut. Nyatakan negara lain yang mempunyai larangan sedemikian sebagai langkah mencegah jenayah, jika ada.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan masih mempertimbangkan cadangan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara untuk melarang penggunaan motosikal di dalam kawasan bandar raya bagi mengurangkan jenayah ragut. Ini kerana cadangan tersebut masih lagi di dalam peringkat kajian dan perbincangan dengan semua agensi berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perkara tersebut masih berjalan. Adalah diharapkan hasil daripada perbincangan itu nanti akan dapat memberikan satu garis panduan bagi membantu Kerajaan untuk membuat keputusan berhubung perkara tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, negara Myanmar (bandar Rangoon/Yangon) dan China (bandar Guangzhou) adalah di antara negara-negara yang telah mengenakan larangan penggunaan motosikal di dalam kawasan bandar bagi tujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, mencegah jenayah ragut dan pencemaran udara serta bunyi.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[ TENGGARA ]

**TARIKH** : 11 MAC 2009

**SOALAN:**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan terhadap Kerajaan Negeri-negeri yang membuat keputusan yang bercanggah dengan keputusan dan arahan Kerajaan Persekutuan seperti apa yang sedang berlaku di Perak berkaitan dengan isu pengurniaan hak milik tanah pegangan kekal yang jelas bertentangan dengan keputusan Majlis Tanah Negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 71(3) dan Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan menggariskan langkah-langkah yang boleh diambil apabila wujudnya percanggahan di antara tindakan/keputusan Kerajaan-kerajaan Negeri dan keputusan/arahan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

No=36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DR HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
(KUALA SELANGOR)**

**TARIKH** : **11 MAC 2009 (RABU)**

**SOALAN** : **12 36**

Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian yang telah difikirkan bagi memastikan syarikat milik penuh Kerajaan KTMB lebih efisien dan berdaya saing seperti di United Kingdom dan Australia.

**JAWAPAN**

Kerajaan senantiasa berusaha meningkatkan keupayaan KTMB dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan berdaya saing kepada orang ramai. Seperti mana sedia maklum, perkhidmatan KTMB adalah merangkumi perkhidmatan Komuter, Antara Bandar dan juga perkhidmatan Barang.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan ke arah memantapkan lagi perkhidmatan KTMB ini adalah:-

i. Pembelian tambahan 10 set *Electric Multiple Unit* (EMU) bagi menampung permintaan penumpang Komuter di Lembah Klang yang kini mencapai 100,000 penumpang sehari. Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta bagi maksud pembelian tersebut yang mana set EMU baru dijangka diterima pada tahun 2010 secara berperingkat.

ii. Pembelian 5 set *Electric Train Set* (ETS) bagi memenuhi keperluan perkhidmatan keretapi laju antara KL Sentral-Ipoh-KL Sentral yang dijangka diterima pada tahun 2010 secara berperingkat.

iii. Pelaksanaan Projek Membaik pulih 50 Unit EMU bertujuan untuk meningkat keupayaan operasi Komuter di Lembah Klang.

iv. Pelaksanaan Projek-Projek Landasan Berkembar Elektrik yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti landasan sedia ada serta kecekapan operasi. Perjalanan dengan menggunakan perkhidmatan tren akan menjadi lebih pantas, selamat dan selesa dan seterusnya dapat menggalakkan orang ramai beralih kepada sistem pengangkutan rel. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- Projek Landasan Berkembar Elektrik Sentul-Batu Caves;
- Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar;  
dan
- Projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban-Gemas.

v. Pelancaran beberapa perkhidmatan baru dan pelanjutan operasi perkhidmatan tren. Antaranya:

- Memperkenalkan kembali Perkhidmatan Ekspres Sinaran yang beroperasi pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) antara KL-Butterworth-KL;
- Perkhidmatan *shuttle* Komuter antara Rawang-Rasa dilanjutkan ke Kuala Kubu Bharu mulai 5 Januari 2008; dan
- Memperkenalkan perkhidmatan *shuttle* KL-Ipoh dengan 10 perkhidmatan sehari hari Isnin hingga Jumaat bermula 1 Disember 2008.

vi. Pengubahsuaian bangunan stesen dan penambahbaikan kemudahan-kemudahan stesen seperti pemasangan kanopi, kemudahan *ramp* untuk Orang Kurang Upaya (OKU), pembinaan kiosk dan tempat letak kereta di beberapa buah stesen terpilih iaitu stesen KTM Kepong Sentral, Kuala Kubu Bharu, Rasa, Batang Kali, Serendah, MidValley, Kajang dan Serdang.

vii. Menaik taraf perhentian-perhentian kecil atau wakaf di sektor Gemas-Tumpat sebanyak 24 buah. Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan telah siap pada 27 Februari 2009 sepenuhnya dengan nilai kos RM286 ribu.

viii. Pembukaan Pusat Latihan Akademi Keretapi Malaysia pada Januari 2009. Akademi ini akan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti latihan, pendidikan, pembangunan khusus kepada

kakitangan KTMB. Ini merupakan satu usaha meningkatkan keupayaan dan kemahiran sumber tenaga kerja KTMB bagi memastikan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

ix. Mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kecekapan operasi, antaranya ialah memasang pagar berkualiti tinggi (anti-vandalisma) dan menggantikan sistem *Automatic Fare Collection* (AFC) sedia ada kepada sistem tiket *contactless*.

Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan, Jabatan Keretapi dan KTMB akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi KTMB dari segi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM

TARIKH: 11 MAC 2009

SOALAN:

**Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM** [ Serian ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membantu para pekerja yang bakal kehilangan pekerjaan mereka akibat krisis ekonomi global, lebih lagi mereka yang bekerja di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya, Sarawak.

PR-1221-L16826

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelembapan ekonomi global yang melanda Negara turut memberi kesan kepada ekonomi negeri Sarawak dan seterusnya mengakibatkan pihak majikan yang terjejas di Sarawak mengambil tindakan untuk memberhentikan pekerja bagi mengurangkan kos operasi.

Dalam usaha menangani masalah pemberhentian kerja ini, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

a) Menubuhkan Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja yang berfungsi seperti berikut :

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- membantu pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan baru;
- mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji;
- membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian; dan
- memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan.

b.) Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja mengadakan lawatan dan perbincangan dengan pihak majikan dan serta menyarankan langkah-langkah yang wajar bagi mengelakkan pemberhentian. Di antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:-

- Menggalakkan majikan menerima pakai garis panduan pemberhentian pekerja yang antara lainnya ;
- membeku pengambilan pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal;
- menghadkan kerja lebih masa, kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am;
- mengurangkan waktu bekerja harian, hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan syif bekerja;
- mengadakan program latihan semula kepada pekerja ;
- mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian kerja yang lain
- melaksanakan pemberhentian secara sentara (temporary shut down) dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan lain .
- Mengurangkan gaji pekerja dengan persetujuan kedua-dua pihak;

Sekiranya tindakan pemberhentian tidak dapat dielakkan, majikan hendaklah memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu. Bagi pekerja-pekerja tempatan yang diberhentikan mereka dinasihatkan supaya menghubungi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang terdekat untuk mendapatkan nasihat serta mendaftar sebagai pencari kerja dengan *JobsMalaysia*.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian saya juga menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan bagi membantu pekerja yang telah dan bakal diberhentikan mendapat semula pekerjaan antaranya seperti melalui Karnival Pekerjaan di WD Media (Malaysia) Sdn. pada 10 Februari 2009, di mana sebanyak 8 buah syarikat mengambil bahagian dengan menawarkan 170 peluang pekerjaan kepada pekerja yang akan kehilangan pekerjaan nanti;

b) Karnival Pekerjaan di peringkat negeri Sarawak seterusnya akan diadakan seperti berikut:-

<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>
28 dan 29 Mac 2009	Kuching
25 dan 26 April 2009	Miri
16 dan 17 Mei 2009	Sibu
27 dan 28 Jun 2009	Bintulu

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1573**

**SOALAN :**

**Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab kematian Kugan Ananthan yang mati ketika di lokap Balai Polis Taipan, USJ 20 Januari lalu.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, siasatan pihak polis berhubung kematian mendiang A. Kugan kini hampir selesai di mana pihak polis telah pun menerima laporan bedah siasat kali kedua yang dibuat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Walau bagaimanapun berdasarkan perbincangan dengan pihak Jabatan Peguam Negara, laporan hasil bedah siasat tersebut belum boleh digunakan sepenuhnya untuk tujuan pendakwaan kerana terdapat beberapa perkara teknikal di dalam laporan tersebut yang memerlukan penjelasan lanjut daripada pakar patologi perubatan PPUM yang membuat bedah siasat ke atas mayat mendiang.

NW-39

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009**

---

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN  
Daripada : Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]  
Tarikh Menjawab : 11 Mac 2009 (Rabu)  
Soalan : [No. ~~22~~ 39]

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi menyatakan;**

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk membendung kejatuhan menjunam sawit dan getah; dan
- (b) apakah Kementerian bersedia untuk menyediakan dana bagi pekebun kecil yang mengusahakan industri hiliran bagi komoditi seperti kenaf, tembakau, tebu dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membendung kejatuhan harga getah dan memastikan harga getah berada pada paras yang menguntungkan baik kepada pekebun kecil dan juga pengeluar-pengeluar produk getah, Kementerian telah dan sedang mengambil beberapa langkah, antaranya:

- i. Membuat ketetapan dengan persetujuan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Indonesia dan Thailand untuk menyelaraskan dan mengurangkan jumlah eksport getah negara masing-masing melalui satu mekanisma yang telah dipersetujui bagi mengurangkan tekanan terhadap harga getah dan mengembalikan keyakinan pasaran;
- ii. Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan tanam semula getah tua yang kurang produktif bagi memperlahankan pengeluaran getah negara. Pada tahun 2009, Kerajaan mensasarkan seluas 32,000 hektar kawasan getah ditanam semula. Dengan pendekatan ini, dianggarkan sebanyak 32,000 hingga 38,000 tan metrik pengeluaran getah dapat dikurangkan dalam pasaran. Tindakan yang sama juga akan diambil oleh Indonesia dan Thailand bagi memperlahankan pengeluaran masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk mengelak

berlakunya lebih penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran; dan

- iii. Malaysia bersama-sama Indonesia dan Thailand juga telah mengambil tindakan jangka panjang bagi mengawal pengeluaran getah negara masing-masing melalui satu skim yang dikenali sebagai *Supply Management Scheme* (SMS). Melalui skim ini, kawasan tanaman getah sedia ada, tanaman baru dan tanaman semula dipantau dan diselaraskan supaya jumlah pengeluaran getah oleh ketiga-tiga negara pengeluar getah utama ini seimbang dengan jumlah permintaan. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebih penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak bulan Januari 2009, harga minyak sawit mentah telah mulai stabil pada paras di antara RM1,800.00 hingga RM1,900.00 se tan. Ini adalah berikutan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan harga minyak sawit. Usaha-usaha ini termasuk:

- i. Skim Insentif Tanam Semula (SITS 2008)
- ii. Pelaksanaan Adunan Biodiesel
- iii. Skim Eksport Minyak Sawit Mentah Tanpa Duti
- iv. Pembiayaan Eksport Minyak Sawit Mentah Melalui Skim *Palm Oil Credit Payment Arrangement* (POCPA)

v. Mempelbagaikan Aplikasi Penggunaan Minyak Sawit

Di samping usaha-usaha tersebut, Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk melaksanakan program penanaman semula, pelaksanaan penggunaan biobahan api secara mandatori, menggalakkan pelaburan dalam industri hiliran serta menangani halangan-halangan bukan tarif bagi eksport biobahan api berasaskan sawit ke pasaran-pasaran utama seperti di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kerajaan belum menimbangkan sebarang dana bagi pekebun kecil untuk menceburi industri hiliran sawit.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi tanaman kenaf, insentif yang ditawarkan oleh pihak Kementerian ini di peringkat hulu termasuklah bantuan modal dan juga bantuan kredit kepada pengusaha untuk membeli bahan input termasuklah mekanisasi, benih dan baja. Sistem penanaman kenaf diuruskan secara *contract farming* dengan Syarikat *Anchor Company*. Kerajaan juga di bawah Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menyediakan pelbagai insentif kepada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009**

---

syarikat-syarikat yang melabur di dalam bidang pertanian. Dibawah ECER insentif diberikan kepada syarikat yang melabur ialah :

- i. Diberi pengecualian cukai pendapatan untuk tempoh 10 tahun bermula apabila syarikat mencatatkan keuntungan.
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan keatas bahan mentah, komponen, jentera, alat ganti dan peralatan yang tidak terdapat didalam negara.
- iii. Pengecualian duti stem keatas urusan pengambilan dan penyewaan hartanah.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tanaman tembakau pula, tiada insentif diberikan oleh pihak kerajaan memandangkan tanaman tembakau tidak lagi digalakkan untuk ditanam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM  
(BAYAN BARU)**

**TARIKH : 11 MAC 2009 ( RABU )**

**SOALAN :**

**YB Dato' Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan peranan Kementerian membantu  
keluarga yang mempunyai anak kurang upaya dan adakah Kerajaan  
bercadang untuk memberikan elaun khas bagi ibu kepada anak  
kurang upaya yang terpaksa meninggalkan kerjaya mereka.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap golongan masyarakat yang memerlukan bantuan termasuk keluarga yang mempunyai anak kurang upaya. Untuk makluman Yang Berhormat, JKM menyediakan Skim Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM300 seorang sebulan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh penjaga atau keluarga OKU berkenaan.

Selain itu, mulai tahun 2009, Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM150 seorang sebulan juga telah diperkenalkan. Skim ini diberikan untuk membantu OKU yang tidak mampu untuk bekerja serta mengurangkan beban kewangan kepada keluarga OKU tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk memberikan elaun khas bagi ibu kepada anak kurang upaya yang terpaksa meninggalkan kerjaya mereka untuk menjaga anak OKU berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG  
(SIMPANG RENGGAM)  
TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang digunakan bagi Kempen Kebersihan Tandas pada tahun 2008. Sejauh manakah kempen ini mendatangkan faedah yang dikehendaki.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM500, 000 telah diperuntukkan pada tahun 2008 untuk aktiviti dan juga program Kempen Tandas Bersih. Antara program dan aktiviti utama yang telah dijalankan ialah seperti Expo dan Forum Tandas Kebangsaan (NATEF 2008), Kursus Kebersihan Tandas 2008 dan Pertandingan Tandas Berkualiti 2008.

Objektif aktiviti-aktiviti kebersihan tandas adalah untuk :-

- i) Meningkatkan tahap kesedaran semua pihak terhadap kebersihan tandas.
- ii) Meningkatkan tahap pengurusan tandas bersih di kalangan pengusaha-pengusaha premis makanan dan tandas-tandas awam.
- iii) Menjadikan tandas bersih komitmen semua pihak yang berkepentingan.

Tahap pencapaian Kempen Kebersihan Tandas buat masa ini belum boleh dibanggakan memandangkan perubahan sikap ke arah penjagaan tandas bersih mengambil masa dan tidak boleh dilakukan dalam jangkamasa yang singkat. Walaubagaimanapun Kempen Tandas Bersih akan terus dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti sekolah, premis makanan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya objektif jangka panjang dapat dicapai.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG**  
**[BATU]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**SOALAN : TUAN CHUA TIAN CHANG**  
**[BATU]**

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) berapakah sumbangan dan peruntukkan telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan menjelang pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu; dan
- (b) senaraikan projek-projek yang terlibat dalam peruntukkan tersebut.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 28 November 2008 hingga 17 Januari 2009 sebanyak 511 projek bernilai RM18,935,000.00 telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Kuala Terengganu. Dari jumlah ini sebanyak 139 projek bernilai RM5,230,000.00 bagi Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan 372

projek bernilai RM13,705,000.00 bagi Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Pembiayaan bagi projek-projek ini adalah dari peruntukan semasa yang sedia ada yang telah diluluskan mengikut perancangan awal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN**

**TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) telah membantu usahawan-usahawan Bumiputra dan berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi usahawan-usahawan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua

Perkhidmatan ANGKASA diberi kepada semua koperasi ahlinya termasuk koperasi sekolah. Perkhidmatan berkaitan pelajaran (meliputi falsafah, prinsip dan nilai koperasi, tadbir urus, undang-undang, perakaunan dan pengauditan dan lain-lain) dijalankan oleh Bahagian 4P (Pelajaran, Penerangan, Penerbitan dan Perkhidmatan) manakala

perkhidmatan berkaitan pembangunan keusahawanan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU).

Bahagian Pembangunan Usahawan ANGKASA telah ditubuhkan pada Disember 2007 dengan tujuan membantu meningkatkan keusahawanan di dalam gerakan koperasi. Kumpulan sasar ANGKASA ialah koperasi dan anggota koperasi. Pada masa ini ANGKASA telah memberi tumpuan dan fokus kepada pembangunan usahawan makanan ringan dan usahawan penghawa dingin.

Dari Januari 2008 hingga Januari 2009, ANGKASA telah mengendalikan 17 majlis penerangan, seminar dan bengkel pembangunan usahawan makanan ringan di seluruh Malaysia melibatkan 1456 orang peserta mewakili 474 buah koperasi. Jumlah perbelanjaan pengendalian penerangan / bengkel / seminar terlibat ialah RM579,747.00.

ANGKASA juga telah berjaya mengadakan 10 program kursus teknikal sama ada terdiri daripada Kursus GHP (*Good Hygiene Practices*), Kursus Pembungkusan, Perlabelan dan Pemprosesan Snek yang telah dijalankan dengan kerjasama MARDI, Jabatan Pertanian dan *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA). Jumlah peserta yang terlibat ialah 297 orang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM281,080.00. Bilangan koperasi yang terlibat ialah 149 buah koperasi.

Bidang-bidang keusahawanan lain yang didedahkan termasuklah ladang kontrak, teknik penanaman dan pengendalian serta pengeluaran produk, prosedur pinjaman dan pembiayaan perniagaan untuk usahawan, teknik penanaman program bumi hijau untuk koperasi sekolah, amalan pembuatan/perkilangan yang baik (*good manufacturing practices*) dalam

Industri makanan, program pengenalan usahawan terpilih serta pembangunan koridor ekonomi.

Dalam bidang usahawan penghawa dingin, pada masa ini ANGKASA sedang melatih 5 orang bakal usahawan penghawa dingin. Latihan adalah selama 3 bulan melibatkan latihan teori dan teknikal dalam bidang keusahawanan, pasaran, kewangan dan pembangunan perniagaan.

Fokus ANGKASA ialah memberi latihan dan pendidikan serta membimbing koperasi untuk terlibat dalam program-program keusahawanan. Bantuan kewangan yang diperlukan oleh koperasi-koperasi dipertimbangkan melalui Tabung Modal Pusingan (TMP) yang diuruskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

NW: 44.

SOALAN : 44.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib  
(Baling)

TARIKH : 11 MAC 2009

SOALAN : **YB Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah benar Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kumpulan Fatah bukan HAMAS sebagai wakil Palestin walaupun HAMAS sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat Palestin secara demokratik.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Permatang Pauh, YB Marang, YB Baling dan YB Shah Alam di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh kelapan-lapan Ahli Parlimen ini iaitu, YB Permatang Pauh pada 32 Februari 2009, YB Marang pada 3 Mac 2009, YB Baling pada 11 Mac 2009 dan YB Shah Alam pada 19 Mac 2009 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu mengenai pendirian Negara terhadap kumpulan Hamas.

2. Malaysia menyokong kerajaan semasa Palestin (*government of the day*), iaitu kerajaan *Palestinian Authority* yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas, seorang presiden yang telah dipilih oleh rakyat Palestin dalam satu pilihan raya presiden yang dianggap adil dan telus.

3. Dalam hal ini, Hamas dan Fatah hanya merupakan parti-parti politik yang menyumbang kepada pembentukan kerajaan Palestin yang sedang memerintah.

4. Walau bagaimanapun, Malaysia sering juga menekankan keperluan rakyat Palestin sendiri khususnya pihak Fatah dan Hamas,

untuk bersatu-padu dan mengelakkan sengketa di antara mereka agar dapat menumpukan perhatian terhadap mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat.

5. Untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini, kemenangan Hamas di dalam Pilihan Raya '*Palestinian Legislative Council*' (PLC) telah disambut baik oleh kepimpinan Malaysia, di mana kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri ketika itu telah mengeluarkan kenyataan yang mengucapkan tahniah kepada Hamas ke atas kemenangan mereka yang mencerminkan kehendak dan kemahuan penduduk Palestin di dalam pilihan raya yang demokratik. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri turut menggesa masyarakat antarabangsa menerima keputusan pilihan raya tersebut kerana jika hasrat dan kepimpinan yang dipilih oleh penduduk Palestin tidak dihiraukan oleh masyarakat antarabangsa, tentunya penyelesaian konflik Israel-Palestin sukar dicapai.

6. Tambahan pula, Y.A.B. Perdana Menteri turut mengambil inisiatif segera bagi mengutus surat kepada ahli-ahli Kuartet (Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Rusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) yang bertanggungjawab melaksanakan Pelan Damai (Roadmap) serta ahli-ahli tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan kepentingan menerima kemenangan Hamas. Pada 20 Februari 2006 pula, seorang wakil Hamas, Dr. Azzam Tamimi, telah membuat kunjungan hormat ke atas kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut, Malaysia telah

mengulangi ucapan tahniah kepada kepimpinan Hamas di atas kemenangan mereka. Pemimpin Biro Politik Hamas, iaitu Khaled Meshaal, juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia. Justeru, persoalan Malaysia tidak mengiktiraf kerajaan Hamas tidak wujud sama sekali, lebih-lebih lagi dengan usaha pucuk kepimpinan Malaysia memainkan peranan bagi menggesa masyarakat antarabangsa menerima kemenangan Hamas.

7. Malaysia tidak pernah menganggap pertubuhan Hamas sebagai pertubuhan pengganas, tetapi Malaysia sentiasa merujuk kepada Hamas sebagai kumpulan pejuang Palestin. Jika dilihat daripada usaha Malaysia di dalam arena diplomasi antarabangsa, dasar Malaysia sejak awal lagi adalah untuk mencari definasi *keganasan* atau *terrorisme* yang dapat diterima secara global yang mengecualikan kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan kebebasan dari pendudukan asing. Ini merupakan salah satu usaha Malaysia bagi menyokong perjuangan Hamas dan mengasingkan Hamas daripada dikategorikan sebagai kumpulan pengganas supaya dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING**  
**TARIKH : 11 MAC 2009 [ RABU ]**  
**SOALAN : Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI menyatakan:-**

- (a) perangkaan jumlah pengimportan ayam beku tanpa masak dari luar negara ke Malaysia dari 2004 sehingga 2008; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa pengimportan ayam beku tanpa masak akan membawa virus selesema burung ke Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Ayam beku tanpa masak dimport dalam bentuk keratan daging ayam untuk kegunaan pemprosesan produk tambah nilai seperti sosej, nugget, burger dan sebagainya. Jumlah

import keratan daging ayam beku tanpa masak ke Malaysia dari tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Kuantiti (tan metrik)</u>
2004	1,536
2005	1,926
2006	1,773
2007	17,355
2008	20,317

- (b) Kerajaan sedar mengenai risiko pengimportan ayam beku tanpa masak dari luar negara akan membawa virus selesema burung. Walau bagaimanapun, pengimportan ayam beku tanpa masak dari luar negara adalah tertakluk kepada keputusan analisis risiko yang dijalankan terhadap semua penyakit haiwan termasuk selesema burung. Ianya berpandukan kepada kaedah saintifik serta garis panduan yang dikeluarkan oleh *the Office International des Epizooties* (OIE) atau *World Animal Health Organization*, iaitu satu badan antarabangsa mengenai penyakit-penyakit haiwan, di mana Malaysia menjadi ahlinya. Kaedah analisis risiko ini mengambil kira kemampuan organisasi veterinar serta

keberkesanan aktiviti-aktiviti pemantauan, kawalan dan pembasmian penyakit di negara pengeksport.

Di samping itu, langkah-langkah kawalan penyakit juga dijalankan di pintu-pintu masuk negara. Daging ayam beku tanpa masak juga boleh diimport dari negara yang tidak bebas penyakit selesema burung dengan syarat ianya dapat memenuhi garis panduan yang ditetapkan di bawah Bab 4.3, *Terrestrial Animal Health Code* yang diterbitkan oleh OIE, yang menggariskan penggunaan kaedah zon atau kepungan (*compartmentalization*). Di samping itu, di bawah Artikel 6, *Sanitary and Phyto-sanitary Measures* yang dijadikan rujukan oleh *World Trade Organization*, juga memberi kenyataan yang sama. Daripada kedua-dua rujukan di atas, dijelaskan bahawa sesuatu zon dalam sesebuah negara yang didapati bebas penyakit dan dapat memenuhi syarat kawalan penyakit yang ditetapkan, tidak akan menimbulkan risiko penyakit yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[MACHANG]**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[MACHANG]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci senarai aktiviti sosial, kebudayaan dan sukan serta jabatan/badan yang menjalankan aktiviti tersebut membabitkan RM486,500.00 dari jumlah RM1,042,300.00 peruntukan 2008 untuk Parlimen Machang sehingga 17 Disember 2008.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang Dipertua,

Daripada jumlah yang dinyatakan, sebanyak RM200,000.00 adalah sumbangan bagi menjalankan aktiviti sosial dan kemasyarakatan, RM130,000.00 adalah sumbangan untuk peralatan komputer dan

sukan, RM92,000.00 adalah sumbangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), RM50,000.00 adalah sebagai bantuan kecemasan dan RM14,500.00 adalah bagi membiayai majlis pemimpin bersama rakyat.

SOALAN NO: 47

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**[PONTIAN]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1578**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Bin Maslan [Pontian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah terbaru untuk meningkatkan imej dan prestasi PDRM serta usaha untuk menjaga kebajikan anggota dan setakat manakah pencapaian pendidikan anak anggota PDRM dalam pengajian tinggi.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pontian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, di bawah Pelan Strategik Lima Tahun PDRM (PS5T PDRM [2007-2011]), di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan imej dan prestasi PDRM adalah seperti mewujudkan One Stop Services Centre (OSSC) bagi semua Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dengan menyediakan perkhidmatan kaunter yang mesra dan profesional. Setakat ini, sebanyak 19 OSSC telah diwujudkan di Kontinjen-Kontinjen seperti Sabah, Sarawak, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang. Perkhidmatan ini sedang dinaik taraf dan akan diperluaskan ke seluruh negara. Sebanyak 33 buah balai polis telah dikenal pasti di bawah PS5T untuk diwujudkan OSSC.

Selain itu, sebanyak 743 buah balai polis dalam proses penstrukturan semula dari segi menaik taraf perjawatan di balai polis di seluruh negara. Dalam jangka masa 5 tahun, PDRM mensasarkan untuk menambah jumlah keanggotaan sebanyak 60,000 orang menjadikan jumlah keseluruhan kekuatan PDRM 150,000 orang menjelang tahun 2011. Melalui pemodenan serta pembangunan Teknologi ICT, PDRM

telah mewujudkan Sistem Laporan Polis (PRS) iaitu sistem berkonsepkan teknologi 'web', sistem komprehensif dan berintegritas. Ia merangkumi proses penerimaan report polis, pembukaan kertas siasatan dan penyediaan laporan-laporan secara berkala secara elektronik. Fasa I projek ini telah siap dilaksanakan pada 31 Julai 2007 meliputi Kontinjen Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Fasa II adalah meliputi Kontinjen Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor manakala Fasa III adalah meliputi Kontinjen Pahang, Kelantan, Terengganu, IPD Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM turut mewujudkan kerjasama dengan pihak universiti tempatan dan agensi luar untuk mendapatkan nasihat dan menjalankan kajian berkaitan keberkesanan perkhidmatan kepolisan dan imej polis. Sistem sedia ada seperti Malaysian Automated Fingerprint Identification (MAFIS) yang telah dibangunkan pada awal tahun 1996 iaitu sistem bersepadu penghantaran pemeriksaan cap jari, cap tapak tangan dan pembekalan rekod jenayah secara real time sedang dipertingkatkan bagi tujuan mempermudah pengurusan sistem cap jari, cap tapak tangan dan pembekalan rekod jenayah. Projek ini masih dalam proses penilaian tender. Selain itu, proses untuk mewujudkan dan memantapkan Rakan Cop di semua Kontinjen sedang dilaksanakan selaras dengan Projek C4i (Command & Control, Communication & Computer Integration System). Projek ini telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2002 dengan

menelan belanja sebanyak RM66.7 juta, bertujuan mengendalikan panggilan kecemasan 999, mengendalikan krisis, kejadian atau tugas kepolisan, mengendalikan sumber penugasan (Automated Vehicle Location System) dan menggunakan sumber maklumat dengan efektif (Mobile Data Communication System). Pasukan Polis Diraja Malaysia juga komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dengan tegas, adil dan berhemah secara konsisten sejajar dengan peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan dan keperluan-keperluan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2000.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjaga kebajikan anggota, pesara dan keluarga warga kerja di dalam jabatan polis, Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan melalui sumber-sumber seperti Kumpulan Wang Polis, Tabung Kebajikan PDRM, Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN) dan Tabung Amanah Warisan Polis. Selain itu, di bawah Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 4 Tahun 2001, kemudahan perubatan akan diberikan kepada anggota polis, pesara dan keluarga termasuk ibu bapa yang sah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam pekeliling tersebut. Bantuan yang diberikan adalah seperti perbelanjaan perkhidmatan perubatan, perbelanjaan rawatan Hemodialisis, perbelanjaan rawatan kemandulan dan lain-lain. Skim Bencana Kerja Ex-Gratia juga telah diluluskan bagi melayakkan pegawai dan anggota PDRM menikmati

skim tersebut. Skim ini masih lagi dalam tindakan untuk pelaksanaan dalam masa terdekat.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, anak-anak polis yang mendapat keputusan cemerlang di dalam UPSR akan ditempatkan di Maktab Rendah Sains Mara, Kulim Kedah. Kuota bagi anak polis untuk memasuki MRSM adalah sebanyak 150 orang setahun tertakluk kepada kelulusan semasa anak-anak polis. Pada tahun 2008, seramai 224 orang telah mendapat keputusan 6A1 ke atas dalam SPM, 20 orang mendapat 3 Principle A ke atas dalam STPM, 3 orang mendapat 8 mumtaz dalam STAM dan seramai 8 orang telah mendapat 3.8 pointer ke atas bagi keputusan Matrikulasi. Keseluruhannya, seramai 255 orang pelajar telah pun berjaya ditawarkan memasuki IPTA dan IPTS.

48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1575**

**SOALAN:**

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota baru PDRM yang telah ditambah sepanjang tahun 2008 mengikut jabatan di setiap negeri dan nyatakan 10 langkah spesifik yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam 12 bulan yang lepas untuk memerangi masalah jenayah yang berleluasa.**

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2008, terdapat penambahan seramai 4,363 pegawai dan anggota PDRM. Daripada jumlah tersebut seramai 3,952 (90%) ditempatkan untuk bertugas di Jabatan Pengurusan, 218 5% di Jabatan Logistik, 69 1.5% di Jabatan Keselamatan dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, 52 1.2% di Cawangan Khas, 25 0.5% di Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, 13 0.3% di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan 34 0.7% di Jabatan Siasatan Jenayah.

Tuan Yang DiPertua,

Pihak polis mensasarkan KPI (*Key Performance Indicator*) Ketua Polis Negara untuk mencegah kadar jenayah tidak melebihi 5% dan kadar penyelesaian kes tidak kurang daripada 40% sebagai langkah untuk mencapai pengurangan kadar jenayah di negara ini.

Dengan mengambilkira tahap '**fear of crime**' masyarakat terhadap senario jenayah kini, pihak PDRM sedang melaksanakan beberapa langkah dan strategi berikut dalam usaha memerangi jenayah. sDi antaranya ialah, **pertama**, mewajibkan pemilik atau penyewa bangunan memasang CCTV.

**Kedua**, menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada lima ratus (500) pegawai dan anggota polis untuk berkhidmat sebagai Pensyarah di Maktab PDRM Kuala Lumpur dan 13 Pusat Latihan PDRM seluruh negara. Langkah ini di ambil bagi membolehkan lebih ramai pegawai dan anggota yang bertugas di Pusat-pusat Latihan boleh menumpukan perhatian kepada tugas kepolisan.

**Ketiga**, menawarkan pekerjaan kepada pegawai dan anggota yang telah bersara bagi mencapai pelaksanaan tindakan untuk penambahan keanggotaan seramai 60,000 dalam tempoh lima (5) tahun untuk mencapai nisbah seorang anggota bagi 250 penduduk.

**Keempat**, menambah bilangan pengambilan staf gunasama untuk memenuhi jawatan perkeranian, perhubungan awam dan sumber manusia supaya anggota polis dapat memberi tumpuan kepada tugas kepolisan.

**Kelima**, menambah Pusat Latihan Polis untuk menampung penambahan rekrut baru.

**Keenam**, bagi mengaplikasikan Konsep Kehadiran Polis, Pondok Polis atau Balai Polis Komuniti diwujudkan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah. Kawasan pengawasan Pondok Polis juga turut diperkecilkan supaya kehadiran dan kekerapan rondaan polis boleh dipertingkatkan.

**Ketujuh**, PDRM juga turut melaksanakan operasi-operasi secara agresif menerusi konsep '**target hardening**' di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah.

**Kelapan,** bagi memberi kesan jangka masa panjang agar keselamatan setiap warganegara terjamin, pihak polis juga telah mengimplementasikan konsep '**smart-partnership**' iaitu menggarap permuafakatan dan kerjasama dengan agensi- agensi kerajaan yang lain seperti JPJ, RELA, Kastam, Imigresen, PBT, Kementerian Pelajaran Malaysia serta Pihak Swasta dan NGO berkaitan keselamatan.

**Kesembilan,** penerapan aspek psikologi di mana pihak polis berusaha mendapatkan sokongan dan kerjasama setiap lapisan masyarakat untuk turut serta dalam usaha menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

**Kesepuluh,** bertugas berdasarkan data maklumat dan risikan keselamatan. Konsep Rakan Cop diperluaskan bertujuan supaya orang ramai boleh membantu polis menyalurkan maklumat mengenai aktiviti jenayah dengan cepat dan tepat.

SOALAN NO: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' MUKRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR  
(JERLUN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2009**

**Dato' Mukriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah anak syarikat Khazanah Nasional iaitu Blue Archipelago akan dipaksa menutup operasi ladang udang di Kerpan, Parlimen Jerlun, untuk memberi laluan kepada projek penapisan minyak di kawasan itu dan adakah rakyat di Jerlun yang terlibat secara langsung dalam industri udang itu akan diberi pampasan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Blue Archipelago akan meneruskan perancangannya untuk memperluaskan operasi ladang udangnya di Kerpan, Jerlun seperti biasa. Oleh itu, tidak timbul sebarang isu mengenai pembayaran pampasan kepada sesiapa yang terlibat dengan industri udang di kawasan Jerlun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW**  
**(TANJONG)**  
**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah asas-asas tindakan Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan dasar-dasar untuk Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam kepada Kerajaan Tempatan.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai pendekatan, kaedah dan kadar yang berbeza antara satu sama lain. Pengurusan sisa pepejal telah memberikan tekanan ke atas sumber kewangan PBT. Di samping itu, pihak PBT juga kekurangan kelengkapan dan peralatan untuk memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang bermutu dan berkesan. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi bantuan kewangan, peralatan dan kelengkapan kepada PBT untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.

Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh serta meringankan beban kewangan PBT, Kerajaan telah memutuskan untuk menyelaraskan dasar-dasar mengenai pengurusan sisa pepejal dan memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan mengurus sisa pepejal melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Akta ini membolehkan Kerajaan Persekutuan melalui KPKT mengawal selia

pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi maksud menyenggarakan kebersihan. Penyelarasan yang menyeluruh ini membolehkan penggunaan tenaga kerja, peralatan-peralatan dan juga kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal digunakan secara optima bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, mengurangkan pencemaran alam sekitar dan juga penjimatan kos.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NW: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**( SIBUTI )**  
**TARIKH : 11. 03. 2009**  
**NO. SOALAN : 51**

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG ( SIBUTI )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai mekanisme untuk memastikan kebanjiran barangan buatan China ke pasaran tempatan adalah benar-benar selamat digunakan dan tidak memudaratkan kesihatan dan keselamatan pengguna.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak kerajaan mempunyai mekanisme dan garis panduan dalam memastikan produk-produk atau barang-barang buatan China menepati standard keselamatan yang telah ditetapkan..Dibawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, KPDNHEP mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan ke atas barang-barang yang tidak selamat atau memudaratkan pengguna.

Dibawah Seksyen 23, Akta Perlindungan Pengguna 1999, menyatakan bahawa Menteri boleh melalui Perintah yang disiarkan di dalam warta, mengisytiharkan apa-apa barang atau kelas barang sebagai barang larangan jika barang tersebut telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta benda. Kementerian boleh mengambil tindakan jika terdapat aduan seumpamanya diterima daripada orang ramai.

Manakala Di bawah Seksyen 19, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Kerajaan juga boleh menetapkan Standard Mandatori bagi sesuatu barang pengguna. Sebagai contoh pada masa ini Kerajaan sedang menyiapkan Peraturan Standard Keselamatan Bagi Alat Permainan Kanak-Kanak. Apabila dikuat kuasakan kelak, semua pengilang dan pengimport perlu mematuhi standard keselamatan tersebut sebelum sesuatu alat permainan kanak-kanak dipasarkan di Malaysia.

Namun begitu tidak semua barangan di pasaran adalah dibawah seliaan KPDNHEP kerana ia turut melibatkan agensi-agensi lain. Sebagai contoh bagi peralatan elektrik dibawah seliaan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi manakala bagi produk makanan dan ubat-ubatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

SOALAN NO: 52

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**  
**[SUBANG]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1579**

**SOALAN :**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggota polis (pakaian seragam dan tidak seragam, dengan mengecualikan polis trafik) yang ada bertugas meronda, berjalan atau dengan motosikal atau kereta ronda di luar balai atau bila-bila masa (at any one time) dalam satu shift kerja dan peratusannya daripada jumlah anggota keseluruhan di PDRM.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, anggota polis melaksanakan penugasan dalam 3 shift. Jumlah keseluruhan anggota polis (pakaian seragam dan tidak seragam, dengan mengecualikan polis trafik) ialah seramai 78,857 orang. Anggota yang bertugas meronda berjalan atau dengan motosikal atau kereta ronda di luar balai atau bila-bila masa (*at any one time*) dalam satu shift (8 jam) ialah 26,285 orang atau 33,33 % daripada jumlah keseluruhan anggota di PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Matulidi Bin Jusoh [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembangunan projek Pembangunan Koridor Timur (ECER) yang telah berjaya dilaksanakan sehingga Disember 2008, berapakah bilangan rakyat yang mendapat manfaat daripada pelaksanaan pembangunan ini, dengan merujuk kepada negeri-negeri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi **kemajuan projek di ECER**, setakat ini, sebanyak 48 projek (atau 45%) telah dimulakan daripada 107 program dan projek ECER yang diperakukan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9. Kebanyakannya melibatkan perincian pelan pelaksanaan serta kerja-kerja awalan seperti kajian, reka bentuk terperinci, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak. Bagi tujuan ini, peruntukan berjumlah RM30 juta telah disalurkan pada tahun 2008 kepada pihak berkuasa koridor bagi ECER iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur

(ECERDC). Baki projek-projek lain akan dimulakan pada tahun 2009 (51 projek) dan tahun 2010 (8 projek).

Antara projek-projek yang berimpak tinggi di ECER yang telah dimulakan perancangan dan pelaksanaannya adalah:

- i. **Projek Agropolitan di Kelantan Selatan** - Projek ini bakal membantu Kerajaan untuk membasmi kemiskinan menjelang tahun 2010, terutamanya di ECER. Seramai 3,000 peserta akan menikmati manfaat projek ini yang bermula dengan penempatan 1,000 peserta pertama bagi Fasa 1A di Rantau Manis, Gua Musang pada tahun 2009. Para peserta dijangka berupaya meningkatkan pendapatan melebihi RM1,000 sebulan hasil dari pelbagai program yang dirangka seperti perladangan dan aktiviti-aktiviti sekunder;
- ii. **Projek Pembesaran Pelabuhan Kuantan** - Projek ini adalah salah satu komponen projek Bandar Pelabuhan Kuantan yang giat dilaksanakan. Satu pelan pelaksanaan terperinci sedang disiapkan dan ianya bakal menjadikan Pelabuhan Kuantan kompetitif seperti pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini. Kebanyakan hasil eksport ECER akan melalui Pelabuhan Kuantan. Penyediaan infrastruktur berkaitan seperti bekalan air dan penaiktararan jalinan jalan akan dilaksanakan dan dijangka bermula pada pertengahan 2009;
- iii. **Projek Bandar Pelabuhan Kuantan** – Projek ini, merangkumi pelbagai komponen dan disokong oleh projek Pembesaran Pelabuhan Kuantan, sedang menjalani perincian pelan pelaksanaan. Ianya bakal menempatkan pelbagai industri dan aktiviti komersial

utama seperti *Palm Oil Industry Cluster* dan perkhidmatan logistik. Ianya juga bakal meningkatkan industri sedia ada seperti petrokimia dengan adanya fasiliti-fasiliti sokongan termasuklah pelabuhan yang efisien.

- iv. Projek **Kelompok Industri Plastik Kertih (KPP)** – Projek yang dirasmikan oleh Y.A.B PM pada 2 Disember 2008 ini sedang giat dipromosikan bagi menarik lebih ramai pelabur. Setakat ini, Hi-Essence Cable SB telah melabur di dalam KPP manakala, PETRONAS Polymer Technology Center telah pun memberikan komitmen untuk mendirikan pusat penyelidikan. Sebuah syarikat dari Australia, Benflex Sdn Bhd, juga telah menunjukkan minat mendirikan kilang di KPP.

Tuan Yang di-Pertua,

Objektif utama Pelan Induk ECER ialah untuk mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur supaya berdaya maju, saksama dan mampan melalui pelbagai program dan projek untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk tempatan dengan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan. Usaha ditumpukan di dalam sektor pelancongan; minyak, gas & petrokimia; pembuatan; pertanian; dan pembangunan sosial dan modal insan; serta disokong oleh kemudahan pengangkutan, infrastruktur dan alam sekitar.

Sebagai contoh, pembangunan projek Agropolitan di ECER mengambil pendekatan bersepadu untuk membasmi kemiskinan tegar di ECER yang melibatkan sejumlah 9,000 isi rumah miskin tegar. Ia melibatkan 3 jenis aktiviti iaitu aktiviti utama, aktiviti sekunder dan aktiviti sokongan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah golongan miskin tegar dari RM270 sebulan kepada kira-kira RM 2,000 sebulan, di mana lebih kurang 40,000 peluang pekerjaan baru dijangka akan dihasilkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID BIN DIN**

**KAWASAN : MERBOK**

**TARIKH : 11.03.2009 (RABU)**

**Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa syarikat penerima AP Terbuka dikenalpasti berjaya dalam perusahaan automotif tempatan (selain Naza) dan tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan peruntukan AP Terbuka untuk meneruskan perniagaan. Senaraikan syarikat yang bergantung sepenuhnya atas peruntukan AP Terbuka untuk meneruskan perniagaan mereka dan sudah berapa lama mereka diperuntukkan AP Terbuka.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Objektif dasar Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Selaras dengan objektif tersebut, empat syarikat, selain**

daripada syarikat Naza, telah berjaya mempelbagalkan aktiviti dalam sektor automotif yang lain seperti pemasangan kereta dan motosikal secara *completely knocked-down* (CKD), dengan izin, aktiviti pemasangan dan bina semula kenderaan perdagangan terpakai dan pengeluaran minyak pelincir. Syarikat-syarikat pemegang AP yang telah mempelbagalkan aktiviti-aktiviti mereka dalam sektor automotif adalah:

<u>Nama Syarikat Pemegang AP</u>	<u>Aktiviti</u>
<b>(I) <u>SYARIKAT WANG SELAMAT SDN. BHD.</u></b>	
• Mofaz Motosikal Sdn. Bhd.	- Pemasangan motosikal Secara CKD
• Edaran Pekemas Sdn. Bhd	- Pemasangan dan bina semula kenderaan Perdagangan terpakai.

<u>Nama Syarikat Pemegang AP</u>	<u>Aktiviti</u>
<b>(II) <u>SYARIKAT IMPUL AUTO SDN. BHD.</u></b>	
• Weststar LDV Sdn. Bhd.	- Pemasangan kenderaan CKD jenama LDV Secara kontral.
<b>(III) <u>SYARIKAT LULUS MOTOR SDN. BHD.</u></b>	
• LM Star Autoworld Sdn. Bhd.	- Pemasangan kenderaan CKD jenama LMG Secara kontrak.
• Mazs Sdn. Bhd.	- Pemasangan dan bina Semula kenderaan Perdagangan terpakai.

(iv) **SYARIKAT MUTIARA MOTOR SDN. BHD.**

- M7 Motorsports Sdn. Bhd.

**Pengeluaran minyak  
Pelincir.**

Selain itu, kebanyakan pemegang-pemegang AP Terbuka juga turut menjadi wakil pengedar kenderaan-kenderaan baru jenama Honda, Toyota, BMW, Mercedes Benz, Proton dan Perodua. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat ini tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan peruntukan AP yang diberikan oleh Kerajaan.

Bagi syarikat-syarikat yang belum mempelbagaikan aktiviti mereka, Kementerian sedang merangka pelan pembangunan Bumiputera dalam sektor automotif. Pelan ini antara lain akan mengandung program-program untuk membantu usahawan Bumiputera dalam bidang automotif dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka.

SOALAN NO: 55

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFIE [SETIU]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1581**

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Jidin Bin Shafie [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kadar jenayah di negara ini mengikut pecahan pada tahun 2007 berbanding 2008 dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menanganinya.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jenayah indeks bagi seluruh negara pada tahun 2007 adalah sebanyak 209,582 kes dan 211,645 kes bagi tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 2,063 kes atau 0.98%. Jenayah kekerasan pada tahun 2007 mencatatkan sebanyak 35,159 kes, manakala 37,817 kes bagi tahun 2008. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,658 kes atau 7.56%.

Bagi pecahan kes dalam jenayah kekerasan terdapat empat kesalahan yang menunjukkan peningkatan bilangan kes iaitu samun bersenjatapi (14,711 kes atau 207.40%), samun berkawan bersenjatapi (107 kes atau 142.67%), bunuh (64 kes atau 10.85%) dan rogol (318 kes atau 10%). Terdapat penurunan bilangan kes bagi tiga kesalahan jenayah kekerasan iaitu samun tanpa senjatapi (12,276 kes atau 71.23%), samun bersenjatapi (121 kes atau 61.42%) dan mendatangkan cedera (145 kes atau 2.31%).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi jenayah harta benda pula, tahun 2007 mencatatkan sebanyak 174,423 kes berbanding 173,828 kes pada tahun 2008. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 595 kes atau 0.34%. Terdapat empat kesalahan yang menunjukkan penurunan iaitu curi ragut (2,901

kes atau 26.12%), lain-lain kecurian (3,431 kes atau 7.68%), pecah rumah siang (42 kes atau 0.46%) dan curi motosikal (247 kes atau 0.37%). Kesalahan-kesalahan yang menunjukkan peningkatan bilangan kes ialah curi motor/lori/van/jentera berat (1,216 kes atau 24.09%), curi motokar (2,770 kes atau 22.29%) dan pecah rumah malam (2,040 kes atau 8.35%).

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya serius dalam menangani dan membanteras jenayah di negara ini. Justeru langkah-langkah berikut diambil oleh kerajaan:

- i. Menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan – kawasan yang kerap berlaku kes jenayah;
- ii. Meningkatkan operasi besar-besaran untuk membanteras kegiatan jenayah;
- iii. Menambah jumlah kereta peronda MPV untuk kegunaan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- iv. Mewujudkan lebih banyak balai dan pondok polis baru melalui sewaan bangunan, kedai atau perumahan di kawasan yang mempunyai kekerapan kejadian jenayah;
- v. Menghantar lebih ramai anggota bit dan patrol serta kawalan dan rondaan di kawasan–kawasan tumpuan orang ramai;

- vi. Mewujudkan serta mengadakan hubungan rapat di antara pihak polis dengan semua golongan masyarakat bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan;
- vii. Mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman sebat ke atas PATI; dan
- viii. Mengambil cap jari untuk rekod supaya kemasukan kali kedua dapat dikesan.

NW: 56 .

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN ( PENGKALAN CEPA )**

**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**

**NO. SOALAN : 56**

**Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN** minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah-langkah drastik untuk membolehkan kraf Malaysia bersaing di arena antarabangsa dan berapa ramaikah pakar-pakar kraf luar negara melatih pengusaha-pengusaha kraf Malaysia.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Dalam usaha memastikan produk kraf Malaysia bersaing di arena antarabangsa, Kementerian melalui Kraftangan Malaysia melaksanakan beberapa pendekatan iaitu:-**

**Pertama, dengan menyertai pameran perdagangan utama di beberapa negara secara konsisten iaitu di United Kingdom, Hong Kong, Jerman dan Timur Tengah. Usahawan kraf berpeluang untuk mempromosikan produk masing-masing dengan bantuan Skim Insentif Galakan Dagangan yang disediakan oleh Kraftangan Malaysia.**

**Kedua, dengan menyertai pameran pengguna atau *consumer fair* di mana pengusaha berpeluang untuk**

menjual terus kepada pengguna yang melawat pameran. Sebagai contoh, Kraftangan Malaysia menyertai pameran INACRAFT di Indonesia. Pameran seumpama ini turut dikunjungi oleh pedagang daripada negara luar bagi mendapatkan produk-produk baru.

Ketiga, Kraftangan Malaysia juga turut menganjurkan program promosi Minggu Malaysia yang telah diadakan di London selama 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2006. Selain aktiviti pelancongan, kebudayaan dan kesenian yang ditonjolkan, jualan pelbagai produk kraf daripada batik, logam, kayu, kraf Orang Asli dan lain-lain merupakan salah satu elemen yang diberi perhatian utama. Hasilnya, produk kraf semakin dikenali di negara tersebut melalui peningkatan jualan tunai yang diperolehi iaitu sebanyak RM218,870.00 (2006), RM294,510.00 (2007) dan RM398,934.00 (2008). Program

**seumpama ini turut dirancang di negara-negara lain pada masa akan datang.**

**Keempat, Kraftangan Malaysia juga turut memberi kerjasama dengan mengambil bahagian dalam promosi di luar negara yang dianjurkan oleh kementerian/ agensi yang berkaitan seperti Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memasarkan produk kraf tempatan. Sebagai contoh, pada tahun 2008, Kraftangan Malaysia menyertai promosi World Expo di Zaragoza, Sepanyol dari 13 Jun – 13 September 2008 yang diselaraskan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Jumlah jualan yang diperolehi adalah sebanyak RM220,000.00.**

**Secara keseluruhan, pelaksanaan aktiviti Pemasaran dan Promosi di peringkat antarabangsa pada tahun 2008 telah berjaya memperoleh nilai jualan tunai dan**

**rundingan sebanyak RM15.8 juta iaitu meningkat sebanyak 198 peratus berbanding tahun 2007 (5.3 juta).**

**Kelima, Kraftangan Malaysia juga mengadakan kerjasama dengan pihak pengurusan gedung membeli-belah terkemuka dunia dalam usaha untuk meluaskan pemasaran produk kraf. Pada tahun 2009, Program Promosi Kraf Malaysia akan diadakan di gedung Harrods di London. Program yang akan berlangsung selama sebulan ini pada 25 Februari hingga 28 Mac 2009 akan menampilkan produk kraf yang eksklusif untuk golongan sederhana hingga golongan atasan. Langkah ini diharap akan membuka peluang kerjasama dengan gedung-gedung terkemuka lain sama ada di United Kingdom atau negara-negara lain sebagai langkah untuk memperhebatkan lagi usaha mempromosi produk kraf Malaysia di pasaran antarabangsa.**

**Sebagai langkah jangka masa panjang, Kementerian juga merancang pemasaran produk kraf Malaysia secara lebih agresif melalui perlantikan agen pemasaran dan penubuhan saluran di pasaran yang akan dikenal pasti.**

**Untuk meningkatkan kemahiran pengusaha kraf tempatan pula, Kementerian melalui Kraftangan Malaysia telah membawa masuk tenaga pakar dari luar negara. Antaranya pada tahun 2007, seorang pakar dalam bidang ukiran batu dari Indonesia dan 2 orang tenaga pakar dalam bidang rotan dari Filipina. Manakala pada tahun 2008 pula, Kraftangan Malaysia telah membawa masuk seorang pakar dalam bidang ukiran kayu halus dari Indonesia dan seorang pakar dalam bidang rekaan fesyen dari Paris serta seorang pakar dalam bidang rekaan produk dari Jepun. Bagi tahun 2009, Kraftangan Malaysia akan mendapatkan tenaga**

**pakar dalam bidang seramik dan ukiran kayu dari negara Uzbekistan.**

**Kraftangan Malaysia juga merancang meneruskan pengambilan pakar-pakar kraf daripada luar negara yang pernah terlibat dalam melatih tenaga kerja sebelum ini bagi pembangunan aktiviti kraf tempatan secara berterusan.**

NW:57

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU**  
**( BUKIT KATIL )**

**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**

**NO. SOALAN : 57**

**Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU** minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah Majlis-majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri, Rumah Terbuka Deepavali, Rumah Terbuka Krismas dan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang dianjurkan berjaya meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia sehingga kini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) merupakan program peringkat nasional yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Enam MRTM tersebut ialah MRTM Hari Raya Aidilfitri, MRTM Deepavali, MRTM Tahun Baru Cina, MRTM Krismas, MRTM Gawai Dayak dan MRTM Tadau Kaamatan). Temanya adalah "*Perpaduan Melalui Perayaan*".

Kerajaan melalui penganjuran MRTM, telah berjaya meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Walaupun, Kementerian tidak mempunyai indeks khusus mengenai tahap perpaduan kaum, tetapi perkara ini dapat dilihat dari sambutan

**yang menggalakkan dari semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.**

**Perpaduan juga dapat dilihat dengan jelas di kalangan institusi dan persatuan, atau NGO pelbagai kaum melalui kerjasama ketika menganjurkan program MRTM. Semua pihak bersatu dan bergotong-royong ketika membuat persiapan bagi memastikan MRTM berjaya dilaksanakan.**

**Perpaduan dalam konteks penganjuran MRTM ini tidak hanya tertumpu kepada perpaduan kaum, sebaliknya penyatuan budaya, adat dan seni yang dilihat dalam pengisian aktiviti MRTM amatlah membanggakan semua pihak. Aktiviti seperti jamuan rakyat, pameran, pertandingan dan persembahan kesenian yang melibatkan penyertaan rakyat Malaysia pelbagai kaum telah turut memberi peluang kepada pengunjung untuk**

mengetahui secara lebih dekat tentang kekayaan, keunikan dan kehalusan adat istiadat dan seni budaya pelbagai kaum di Negara ini. Pengunjung dalam erti kata lain dapat menyertai, menikmati, menghayati dan memahami budaya dan seni kaum-kaum lain secara lebih mendalam. Perkara ini amat penting bagi meningkatkan apresiasi masyarakat terhadap kepelbagaian budaya dan seni rakyat Malaysia, dan sekaligus memantapkan lagi perpaduan rakyat yang telah sedia ada.

Ketulusan kerajaan menjayakan MRTM bagi hari-hari kebesaran setiap kaum dan agama amatlah tinggi nilainya. Pemberian sumbangan kepada pihak-pihak yang kurang bernasib baik misalnya, telah menimbulkan rasa terharu dan penghargaan kepada mereka kerana diraikan tanpa mengira latar belakang budaya dan kepercayaan.

**Berdasarkan kepada penyertaan, sambutan dan maklumbalas orang ramai terhadap MRTM, maka kementerian ini berpendapat bahawa MRTM telah berjaya mencapai objektifnya dan perlu diteruskan sebagai salah satu mekanisma untuk memantapkan perpaduan kaum di negara ini.**

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)

BERTARIKH : 11 MAC 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN JUMLAH  
KES TANAH RUNTUH MEMBABITKAN KAWASAN  
KEDIAMAN PADA TAHUN 2005, 2006, 2007 DAN 2008  
MENGIKUT NEGERI-NEGERI DI NEGARA INI.

**JAWAPAN:**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,  
KEJADIAN TAHAN RUNTUH YANG DILAPORKAN  
MENGIKUT NEGERI-NEGERI YANG MELIBATKAN  
KAWASAN KEDIAMAN ADALAH SEBAGAIMANA  
BERIKUT:**

**TAHUN 2005:**

**KUALA LUMPUR 7, SELANGOR 6, PERAK 1, KEDAH 1,  
PAHANG 2, NEGERI SEMBILAN 1.**

**TAHUN 2006 :**

**KUALA LUMPUR 4, SELANGOR 6, PERAK 1,  
KELANTAN 1, SABAH 1.**

**TAHUN 2007 :**

**KUALA LUMPUR 3, SELANGOR 1, SARAWAK 1 DAN  
PUTRAJAYA 1.**

**TAHUN 2008 :**

**SELANGOR 10, NEGERI SEMBILAN 4, MELAKA 1,  
PULAU PINANG 3, SABAH 1, PERAK 2, PAHANG 3,  
KUALA LUMPUR 5, KEDAH 1.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin  
[ Ampang ]

TARIKH : 11 Mac 2009

SOALAN : Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah kadar literasi umat Islam Malaysia dalam tulisan jawi serta pembacaan Al-Quran ; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan membantu meningkatkan literasi ini.

**Jawapan:**

**Tuan Yang di Pertua,**

**a) Kadar literasi umat Islam Malaysia**

1. Kadar literasi umat Islam dalam penggunaan tulisan jawi dan bacaan al-quran di peringkat rendah dan menengah di bawah pengawalan JAKIM diukur berdasarkan kepada pencapaian yang memberangsangkan melalui program KAFA dan STAM. Ini jelas terbukti melalui pencapaian Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang meningkat dari setahun ke setahun sebagai contoh mulai tahun 2001 hingga 2007, murid yang lulus telah mencapai kepada 755,005 orang, manakala pencapaian peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dari tahun 2005 hingga 2007 mencapai kepada 69.5%. Malahan, kesan yang membanggakan dapat dibuktikan juga melalui penyertaan dan penglibatan pelajar-pelajar lepasan KAFA dalam berbagai pertandingan bacaan al-quran, hafazan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

(b)

1. JAKIM sentiasa berusaha memperkasakan penggunaan tulisan jawi melalui berbagai aktiviti. Di antara usaha dan langkah-langkah konkrit bagi memartabatkan tulisan jawi, JAKIM telah menyeragam dan mengarahkan penggunaan buku teks sekolah agama dan kelas KAFA dalam tulisan jawi. Dari semasa ke semasa JAKIM sentiasa menerbitkan buku-buku risalah, jurnal, buletin dalam tulisan jawi yang diedarkan kepada semua peringkat masyarakat. Penggunaan tulisan jawi juga sedang diguna pakai dalam pentadbiran di JAKIM/JAIN.
2. JAKIM bersama agensi di negeri dan agensi berkaitan di peringkat Persekutuan sentiasa mengadakan perbincangan bagi memartabatkan penggunaan tulisan di peringkat global dan global melalui beberapa pendekatan dan strategi yang bersesuaian. Antara strategi yang dibincangkan dalam pertemuan antara JAIN seluruh Malaysia JAKIM telah menyediakan 5 strategi untuk memperkasakan tulisan jawi, iaitu :

**Strategi 1:** Menjadikan tulisan jawi sebagai tulisan utama JAKIM/JAIN dalam semua urusan dengan institusi agama di Negara ini.

**Strategi 2:** Menjadikan pelajaran jawi sebagai subjek wajib dan utama dalam sistem pendidikan Negara.

**Strategi 3:** Menghidupkan penggunaan tulisan jawi dalam semua iklan, papan tanda, nama jalan, nama syarikat/ bangunan/ sekolah/ kedai/ kenderaan dan lain-lain.

## **NO SOALAN:59**

**Strategi 4:** Menerbitkan Kamus Istilah Kata/ Ejaan bagi semua istilah arab.

**Strategi 5:** Menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menyelaraskan dan menentukan dasar bagi menyelaraskan ejaan jawi yang standard.

Program ini akan dilaksanakan secara bersama dengan agensi-agensi berikut:

### Tabung Haji

1. Bahagian Pendidikan Islam, KPM
2. Utusan Malaysia
3. Kementerian Penerangan
4. KEKWA
5. DBP
6. Kementerian Pelancongan
7. Institut Pengajian Tinggi, dan
8. NGO's Islam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI CHE MAT**

**KAWASAN : HULU LANGAT**

**TARIKH : 11.03.2009 (RABU)**

**Y.B. DR. CHE ROSLI CHE MAT (HULU LANGAT) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang apakah langkah-langkah yang diambil oleh pengeluar kereta Malaysia (terutama Proton dan Perodua) dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembekal komponen kereta.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DI Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat pengeluar kereta sentiasa mengambil perhatian akan keupayaan, prestasi serta tataurus para pembekal komponen bagi memastikan pengeluaran kereta terus berdaya saing termasuklah Proton dan Perodua. Dalam usaha membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat pembekal/vendor, Proton dan Perodua telah melaksanakan langkah-langkah berikut melalui:**

- i. bantuan bimbingan teknikal yang mana jurutera dan juruteknik syarikat pengeluar kereta nasional dihantar untuk bersama-sama pembekal/vendor bagi mengawasi pengeluaran komponen-komponen di kilang-kilang syarikat pembekal/vendor. Usaha ini bertujuan memastikan syarikat pembekal/vendor dapat mengeluarkan keluaran secara optimum dan menepati spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan;
- ii. proses pembangunan berterusan yang mana penilaian dibuat ke atas syarikat pembekal/vendor melalui sistem penggredan, pengenalan kepada teknologi terbaru dan terkini dan penilaian tahap pencapaian pembekal yang konsisten. Usaha ini adalah bagi menilai tahap pencapaian dan kemampuan pembekal di mana pembekal yang bermasalah akan dikenalpasti dengan segera dan khidmat nasihat, bimbingan serta pemantauan yang sewajarnya akan terus disalurkan;
- iii. Pengenalan model-model baru yang memberi peluang kepada syarikat pembekal/vendor untuk meningkatkan peluang perniagaan mereka selain membantu meningkatkan kualiti pembekal dengan mengadakan kerjasama dengan pembekal teknologi yang lebih berkemampuan;

iv. bantuan meringankan beban kewangan syarikat pembekal/vendor yang dikenalpasti bagi tujuan :

- pembelian peralatan dan peracuan pengeluaran komponen, toolings dengan izin. Bantuan pembelian ini dapat mengurangkan kos komponen dan meringankan kos pengurusan overhead cost dengan izin, kepada syarikat pengeluar kereta nasional. Selain ini ianya membolehkan syarikat pembekal/vendor menumpukan kepada proses pengeluaran yang lebih efisien tanpa perlu mereka menanggung bebanan kadar faedah bank;
- pembelian bahan mentah yang mana syarikat pembekal/vendor dibantu diperkenalkan kepada syarikat pembekal bahan mentah yang berwibawa serta bantuan dalam proses sebutharga.

v. kerjasama dan sokongan daripada institusi kewangan tempatan dalam memperkenalkan serta menawarkan bantuan pinjaman yang lebih spesifik bagi membantu syarikat pembekal/vendor; dan

v. penglibatan syarikat pembekal/vendor dalam forum dan pameran antarabangsa yang mana syarikat pengeluar kereta nasional akan

membawa pembekal-pembekal komponen bagi mempamerkan keluaran mereka di samping memberi pendedahan untuk mempelajari serta mengenalpasti teknologi-teknologi terkini dalam proses pengeluaran yang bersangkutan dengan produk keluaran mereka. Syarikat pembekal/vendor juga berpeluang mengenalpasti syarikat-syarikat syarikat-syarikat yang berminat untuk menjadi rakan kongsi, membuat urusniaga baik dari segi penawaran kepakaran dan bahan mentah malahan juga termasuk dari segi penawaran untuk memasarkan keluaran-keluaran di negara-negara tertentu.

\*\*\*\*\*

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

**TARIKH** : 11 MAC 2009

**SOALAN** :

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk tujuan pencegahan banjir di kawasan Kuching, Sibu dan Bintulu masing-masing dalam tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Adakah projek-projek yang dijalankan untuk tujuan tersebut berkesan untuk mengelakkan banjir.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 239 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Kuching, Sibu dan Bintulu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 174.5 juta diperuntukkan bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kuching, RM 60 juta bagi RTB Sibu dan RM 4.5 juta bagi RTB Bintulu.

Bagi tempoh 2005 hingga 2008, sejumlah RM 27.29 juta telah diperuntukkan bagi ketiga-tiga RTB tersebut. Daripada jumlah ini, peruntukan bagi RTB Kuching adalah sebanyak RM 4.06 juta pada tahun 2005, RM 5.5 juta pada 2006, RM 2.47 juta pada 2007 dan RM 11.49 juta pada 2008.

Manakala bagi RTB Sibul, amaun yang telah diperuntukkan adalah sebanyak RM 0.2 juta pada tahun 2006. Bagi RTB Bintulu pula, amaun yang diperuntukkan adalah sebanyak RM 1 juta pada tahun 2006, RM 2.24 juta pada 2007 dan RM 0.33 juta pada 2008.

Kementerian yakin pelaksanaan projek-projek tebatan banjir tersebut akan memberi impak yang positif ke arah mengurangkan masalah banjir di ketiga-tiga kawasan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN :**

Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam usaha mencegah politik wang dan salah guna kuasa dalam pilihan raya kecil Kuala Terengganu baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah membuka 2 kertas siasatan yang masih dalam tindakan siasatan berhubung dengan dakwaan berlakunya amalan rasuah dalam pilihan raya kecil Kuala Terengganu baru-baru ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN  
AWANG ( MARANG )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2009**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang ( Marang )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mencadangkan penggunaan sistem kewangan Islam sepenuhnya dalam menjalankan urusan perdagangan dua hala dengan Negara OIC setelah didapati bahawa sistem kewangan Islam dapat bertahan dari serangan krisis kewangan global yang sedang berlaku sekarang ini.

dan

**SJ.B/(126)**

**DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA ( PARIT )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2009**

**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria ( Parit )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hubung kait kemelut dunia dengan kekuatan ekonomi Amerika Syarikat dan apakah penggunaan mata wang dinar emas akan dapat mencegah ekonomi Negara Islam khususnya dari terus berpaut kepada sistem kewangan barat yang berat sebelah.

dan

**SJ.B/(143)**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN ( LIPIS )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.2009**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman ( Lipis )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan lanjutan dalam memperkasa sistem kewangan Islam sebagai gantian kepada sistem kapitalis yang kini menjadi ancaman kepada keseluruhan sistem ekonomi dunia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Marang yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan YB Parit yang dijadualkan pada 17 Mac 2009 dan YB Lipis pada 18 Mac 2008, memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kesemua urusan niaga perdagangan antarabangsa Malaysia dengan negara lain, termasuk urusan niaga melalui Pengaturan Pembayaran Dua Hala atau *Bilateral Payments Arrangement* (BPA), dengan izin, dibayar dengan menggunakan mata wang asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah

mewujudkan mekanisme Pengaturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas atau *Gold-based Trade Payments Arrangement* (GTPA) pada tahun 2003 untuk pembayaran dan penjelasan perdagangan antarabangsa. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk menarik minat negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) terhadap mekanisme GTPA. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada negara-negara OIC tersebut menghadapi halangan perundangan dalam sistem perundangan dan perlembagaan mereka, menyebabkan negara-negara berkenaan tidak dapat memberikan jaminan kerajaan (*sovereign guarantee*), seperti yang diperlukan di bawah mekanisme GTPA.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Yang Berhormat Parit, kemelut ekonomi dunia yang sedang melanda sekarang telah berpunca daripada masalah pasaran gadaian subprima di Amerika Syarikat (AS) yang seterusnya telah menjejaskan sistem kewangan dan ekonomi AS dan negara Eropah, dan kini memberi kesan kepada hampir kesemua negara di dunia. Seperti yang dijelaskan tadi, kebanyakan daripada negara-negara OIC tidak dapat menerima mekanisme/penggunaan *Gold-based Trade Payments Arrangement* (GTPA) disebabkan halangan perundangan dan perlembagaan negara masing-masing.

4. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah komprehensif untuk memperkasa dan

membangunkan sistem kewangan Islam negara bagi memastikan sektor perbankan Islam terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Komitmen Kerajaan dalam pembangunan kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa diiktiraf apabila Malaysia dipilih menjadi tuan rumah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board*), sebuah badan antarabangsa yang bertanggungjawab untuk menetapkan piawaian pengawalseliaan untuk institusi kewangan Islam seluruh dunia. Selain itu, Malaysia juga berkongsi kepakaran dalam sistem pengurusan sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa, seperti yang disarankan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB), selaku institusi kewangan multilateral Islam yang penting. Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global (*Task Force for Islamic Finance and Global Financial Stability*) telah ditubuhkan oleh IDB yang dianggotai oleh tokoh dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam global bagi menilai arkitektur sistem kewangan global dan sistem kewangan Islam, terutamanya bertujuan mengambil peluang untuk memperhebatkan penggunaan kewangan Islam, setelah timbulnya kemelut krisis kewangan global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Tuan Er Teck Hwa  
(Bakri)  
TARIKH : 11 Mac 2009

SOALAN : Tuan Er Teck Hwa (Bakri) meminta PERDANA MENTERI menyatakan bolehkah Kerajaan membukakan kandungan khusus Biro Tatanegara untuk pengetahuan umum. Jika tidak, mengapa. Jelaskan tujuan untuk mengadakan kursus kenegaraan yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara untuk pegawai sektor awam dan mahasiswa tajaan JPA.

**Jawapan :**

Tuan Yang Di Pertua,  
Kandungan kursus Biro Tatanegara sememangnya terbuka untuk pengetahuan umum.

**Tujuan Mengadakan Kursus Kenegaraan untuk Pegawai Sektor Awam:**

Biro Tatanegara telah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan Kursus Kenegaraan untuk Pegawai Sektor Awam.

Kursus Kenegaraan bertujuan untuk meningkatkan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal bagi melahirkan pegawai awam yang patriotik, berdisiplin dan berkeperibadian mulia.

Objektif Kursus Kenegaraan adalah seperti berikut :

- (i) Meningkatkan patriotisme pegawai Perkhidmatan Awam kepada Negara dan Kerajaan melalui latihan mental dan fizikal ;
- (ii) Memupuk sikap, nilai-nilai murni dan etika kerja cemerlang di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam; dan
- (iii) Memenuhi sebahagian daripada syarat lulus TK 1 di bawah Sistem Saraan Malaysia.

#### **Bagi Mahasiswa Tajaan JPA:**

Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri telah diberi mandat oleh Jawatankuasa Khas Pelajar-Pelajar Malaysia Luar Negara untuk melaksanakan Kursus Kenegaraan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan agensi di bawah kerajaan serta orang perseorangan yang menerima penajaan berbentuk biasiswa, hadiah cuti belajar dan/atau pinjaman untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana (*Masters*), Doktor Falsafah (Ph.D), sub-kepakaran dan program profesional di luar negara.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang dasar-dasar kerajaan, menanamkan semangat patriotik serta memberi penjelasan berkenaan dengan isu-isu semasa negara.

Melalui kursus yang dianjurkan ini juga, didapati kegiatan-kegiatan yang boleh memesongkan akidah pelajar-pelajar di luar Negara dapat

dibendung dan dikurangkan. Malah, pelaksanaan kursus tersebut juga telah berjaya meningkatkan motivasi diri para pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke luar Negara, ke arah kecemerlangan dan dapat memupuk dan menambahkan lagi semangat cintakan negara serta jati diri yang kukuh di dalam diri mereka yang merupakan 'duta-duta kecil' Malaysia di luar Negara.

Sijil akan diberikan kepada mereka yang menghadiri kursus ini setelah disahkan keputusannya oleh Jawatankuasa Khas Pelajar Malaysia Ke Luar Negara. Namun, sijil tersebut mempunyai tempoh sah dua (2) tahun bermula tarikh mengikuti kursus tetapi tiada had masa untuk pengesahan jawatan dan anjakan gaji bagi mereka yang masih berada di peringkat PTK 1.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **Y. B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)**  
**TARIKH** : **11 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana kajian-kajian UiTM untuk membentuk satu Pelan Pengangkutan dan apakah mekanisme untuk pelaksanaan di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia di mana kajian ini dijalankan oleh *Malaysia Institute of Transport* (MITRANS); Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kajian ini di peringkat Laporan Draf Akhir dan dijangka siap pada

pertengahan tahun 2009. Kajian ini bertujuan membentuk satu pelan induk dan strategi pengangkutan awam bagi bandar-bandar utama di Malaysia dan menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki mutu pengangkutan awam. Dalam penyediaan kajian ini, pandangan/input pelbagai pihak termasuk Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, wakil beberapa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, pengusaha dan pengguna pengangkutan awam sedang diperolehi melalui bengkel, mesyuarat dan sesi-sesi perbincangan. Syor/cadangan dari kajian ini akan diteliti dan diperhalusi bagi membolehkan mekanisme terbaik diperolehi dan membolehkan pelaksanaan pelan induk pengangkutan awam yang lebih menyeluruh dan bersepadu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**  
**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**TARIKH** : **11.03.2009**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah baki kelulusan RM22.88 bilion peruntukan untuk Kerajaan-kerajaan Negeri yang belum diberikan dan berapakah baki peruntukan untuk Negeri Perak dan Pulau Pinang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tahunan yang disediakan secara langsung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah melalui Pemberian geran dan bantuan kewangan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta-akta dan keputusan-keputusan Kerajaan Persekutuan.

2. Bagi tahun 2009, jumlah peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM4.58 bilion. Sehingga 28 Februari 2009, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan bayaran Pemberian kepada Kerajaan Negeri Perak sebanyak

RM41.9 juta, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM17.5 juta dan negeri-negeri lain sebanyak RM790.6 juta. Baki peruntukan sebanyak RM3.73 bilion akan dikeluarkan mengikut jadual penyaluran yang telah dipersetujui sama ada bayaran sekali gus, secara bulanan atau berasaskan tuntutan.

3. Di samping pemberian geran Persekutuan, Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan di negeri-negeri melalui kementerian/agensi persekutuan. Peruntukan siling pembangunan RMK-9 bagi Negeri Perak adalah sebanyak RM8.59 bilion manakala Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6.79 bilion.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN  
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 11.03.2009**

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik rasmi terkini hanya memberikan taburan pendapatan keluarga manakala statistik taburan pendapatan perseorangan tidak langsung dihuraikan sedangkan maklumat ini perlu dalam membuat polisi-polisi untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi maklumat dan perangkaan pembayaran cukai mengikut kaum untuk tahun 2005, 2006 dan 2007.

**SJ.B/ (140)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 18.03.2009**

Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Gombak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan rakyat Malaysia yang membayar cukai mengikut pecahan kaum dan juga jumlah yang dibayar oleh mereka dari tahun 2004 hingga sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim yang dijadualkan dijawab pada hari ini dan Yang Berhormat Gombak, Tuan Mohamed Azmin Bin Ali yang dijadualkan dijawab pada 18 Mac 2009 memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut adalah berkenaan jumlah bayaran cukai mengikut pecahan kaum dari tahun 2004.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, borang cukai pendapatan individu pada masa ini tidak mempunyai butiran kaum seseorang pembayar cukai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1576**

**SOALAN :**

Tuan Wee Choo keong (wangsa Maju) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Balai Polis Dang Wangi membenarkan jualan cakera padat video digital (DVD) cetak rompak secara terbuka di Jalan Petaling dan tidak mengambil tindakan terhadap Ketua sindiket, Encik PHOH CHOONG KIN (I/C : 810618-14-5629) yang telah disenaraikan oleh pihak polis sebagai orang yang dikehendaki

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah sama sekali membenarkan penjualan DVD cetak rompak di mana-mana tempat termasuk di Jalan Petaling, Kuala Lumpur kerana ia merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 18 Akta Penapisan Filem 2002. Penjualan DVD lucah pula merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002 atau seksyen 292 Kanun Keseksaan.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod polis, Encik Phoh Choong Kin tidak disenaraikan sebagai orang yang dikehendaki dan bukan merupakan ketua sindiket cetak rompak di Jalan Petaling. Pihak polis mendapati penama ini mempunyai rekod kesalahan lampau di bawah seksyen 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 5/1969 di bawah pertuduhan sebagai Ketua Geng Loh Foo Thong yang bertempur dengan 18 Immortal untuk merebut tapak penjualan VCD di Petaling Jaya menggunakan pedang samurai. Beliau telah ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam pada 6 Ogos 2004 hingga 24 November 2004 dan kini menjalani hukuman buang daerah di Mukim Umbai, Jasin, Melaka di bawah seksyen 4B Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 5/1969.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa pihak polis melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kuala Lumpur sentiasa memantau dan membanteras kegiatan penjualan DVD cetak rompak di Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Pihak polis tidak sekali-kali membenarkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang dilakukan di mana-mana tempat di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH: 11 MAC 2009

SOALAN:

**Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL** [ Indera Mahkota ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan masalah pengangguran negara yang semakin meningkat dalam suasana ekonomi yang merosot kini, terutamanya golongan graduan.

PR-1221-L16980

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelembapan ekonomi global tidak memberi kesan yang nyata terhadap kadar pengangguran di Malaysia pada masa ini kerana kadar pengangguran masih terkawal iaitu pada kadar 3.1% pada Q4/2008.

Mengikut data dalam sistem *JobsMalaysia*, jumlah pencari kerja yang berdaftar sehingga 5 Mac 2009 adalah seramai 210,899. Daripada jumlah tersebut, 103,171 adalah terdiri daripada golongan siswazah. Bagaimanapun, jumlah ini tidak menggambarkan bilangan sebenar siswazah menganggur di negara ini kerana tidak semua siswazah mendaftar

sebagai pencari kerja di *JobsMalaysia*, dan terdapat juga dikalangan siswazah yang berdaftar dengan *jobsMalaysia* untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik .

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengurangkan masalah pengangguran negara dalam suasana kelembapan ekonomi, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil langkah dengan menyediakan latihan kepada siswazah yang menganggur bagi tujuan penempatan dalam pasaran pekerjaan. Sebanyak RM 70 juta telah diperuntukkan untuk latihan graduan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama. Semasa dalam latihan mereka akan diberi elaun sara diri sebanyak RM500 sebulan di samping yuran latihan akan dibiayai oleh Kerajaan.

Latihan ini membolehkan graduan lebih mudah memasuki pasaran pekerjaan atau menceburi bidang-bidang keusahawanan yang bersesuaian dengan bidang kemahiran yang mereka menerima latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

KSM juga telah melaksanakan langkah-langkah lain untuk membantu para penganggur termasuk siswazah seperti berikut:-

- Pewujudan *Client Account* iaitu majikan terpilih yang memerlukan pekerja diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai. Melalui kaedah ini pemantauan dan bantuan segera dapat diberikan kepada majikan berkenaan dengan cara membekalkan pencari kerja yang sesuai dan memenuhi kriteria majikan tersebut untuk ditemuduga atau terus diambil bekerja.
- Mengadakan 17 Program Penempatan Pekerjaan sepanjang tahun 2009 dan 26 Mini Program Penempatan Pekerjaan setiap bulan di seluruh Malaysia. Bagi tempoh Januari sehingga akhir Februari 2009, sebanyak 4 Program Penempatan Pekerjaan dan 6 Mini Penempatan Pekerjaan telah diadakan. Sebanyak 8,260

kekosongan jawatan dilaporkan. Seramai 861 siswazah dan 1,190 bukan siswazah berjaya mendapatkan pekerjaan melalui Karnival ini manakala seramai 902 diterima menyertai program *train and place*.

- Mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada pencari kerja untuk para graduan bagi memberi penjelasan mengenai keperluan kerjaya masa kini disamping memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa di samping panduan bagaimana menghadapi temuduga;
- Kerajaan juga telah melaksanakan Skim Perantisan sejak 1996 bagi melahirkan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh majikan atau industri sekali gus mengurangkan pengangguran dalam negara. Kaedah latihan skim ini adalah berdasarkan *off the job* di premis penyedia latihan dan diikuti dengan latihan *on the job* di premis majikan;
- Mengadakan kerjasama dan dialog dari semasa ke semasa dengan pihak industri dan institusi pengajian/latihan bagi menentukan keperluan sebenar tenaga kerja di sektor perindustrian;
- Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bertujuan menghasilkan *k-workers* mengikut keperluan industri. Sehingga 24 Februari 2009, seramai 9,034 perantis sedang menyertai latihan ini di 1,034 syarikat. Sehingga kini seramai 530 perantis telah berjaya dilahirkan dalam bidang *automotive* dan *industrial automation*;
- Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat besar terutama berstatus MSC supaya memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang menganggur;

Tuan Yang Di Pertua,

Dengan pelaksanaan langkah-langkah diatas, adalah diharapkan para pencari kerja termasuk graduan akan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Bagaimanapun para penacri kerja dinasihatkan tidak terlalu memilih pekerjaan.

SULIT

SOALAN NO: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI**  
**[TANAH MERAH]**  
**TARIKH : 11 MAC 2009**  
**RUJUKAN : 1580**

**PERTANYAAN :**

**Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah tambahan dalam mempermudah proses membuat Mykad atau Mykid kepada anak-anak pasangan ayah warganegara dan ibu warga asing dan berapakah kes yang tertunggak dan sedang diproses.**

**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk mendapatkan MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara bagi kanak-kanak yang bapanya bertaraf warganegara Malaysia dan ibunya warganegara asing adalah seperti berikut:-

- 1) Sijil Lahir;
- 2) Dokumen pengenalan diri ibu bapa;
- 3) Dokumen yang menentukan taraf kewarganegaraan Malaysia kanak-kanak tersebut seperti Borang W (bagi yang lahir di luar negara), Sijil Warganegara atau Pengesahan Taraf Warganegara; dan
- 4) Dokumen perkahwinan yang sah untuk menentukan kanak-kanak tersebut adalah anak sah taraf.

## SULIT

Sehingga 31 Januari 2009, terdapat sebanyak **12,654** permohonan Mykad di bawah kategori ini yang masih **tertunggak dan sedang diproses** di Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mykid hanya dikeluarkan kepada kanak-kanak yang bertaraf warganegara Malaysia dan lahir di Semenanjung Malaysia selepas tahun 2004. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak **dua juta, seratus sebelas ribu, dua ratus satu (2,111,201)** keping Mykid telah dikeluarkan. Untuk makluman dewan yang mulia ini juga, **tiada tunggakan** direkodkan bagi permohonan Mykid kerana ia diproses dan dikeluarkan dalam masa yang sama selepas pendaftaran kelahiran kanak-kanak dibuat.

No: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]**

**TARIKH : 11 Mac 2009 (Rabu)**

**SOALAN : 73 71**

**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Malaysia Airlines (MAS) boleh menghapuskan (100%) pembayaran Fuel Surcharge mengikut jejak AirAsia.**

**Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah pun memansuhkan sepenuhnya surcaj bahan bakar (*fuel surcharge*) bagi sektor domestik bermula 14 Januari 2009.

Bagi sektor antarabangsa, surcaj bahan bakar bagi laluan Malaysia-Singapura dan Malaysia-Brunei telah dihapuskan mulai 30 Januari 2009. Dalam pada itu, MAS juga telah membuat penyemakan semula kadar surcaj bahan bakar ke atas beberapa laluan penerbangan antarabangsa

yang lain, di mana secara keseluruhannya ia telah dikurangkan sehingga 73% bagi sektor-sektor berikut mulai 1 Februari 2009:

- (i) kadar surcaj bahan api bagi penerbangan ke China dikurangkan kepada USD100;
- (ii) kadar surcaj bahan api ke Australia dan New Zealand dikurangkan kepada USD85;
- (iii) kadar surcaj bahan bakar bagi penerbangan ke Negara-negara Timur Tengah dikurangkan sebanyak USD150; dan
- (iv) bagi penerbangan ke Afrika dan Amerika Utara kadar surcaj bahan bakar masing-masing telah dikurangkan kepada USD160 dan USD185;

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memantau kadar surcaj bahan bakar yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan berbanding pesaing-pesaing utamanya, bagi memastikan kadar surcaj bahan bakar adalah munasabah di pasaran.

Adalah dimaklumkan bahawa walaupun harga minyak dunia telah turun sehingga tiga perempat daripada paras tertinggi yang dicatatkan pada bulan Julai 2008 iaitu USD147 setong, namun kos minyak MAS adalah masih tinggi oleh sebab *hedging* yang telah dibuat oleh pihak MAS. Surcaj bahan bakar yang dikenakan hanya dapat menampung 30% daripada kos bahan api secara keseluruhannya.

Pada ketika ini adalah didapati bahawa sesetengah syarikat penerbangan yang menurunkan kadar surcaj bahan bakar meletakkan harga tiket yang tinggi, sebaliknya syarikat penerbangan yang tidak menurunkan kadar surcaj bahan bakar menurunkan harga tiket penerbangan mereka. Dengan pengurangan kadar surcaj bahan bakar, ia tidak bermakna bahawa penumpang akan membayar harga tiket yang lebih murah bagi sesuatu destinasi tersebut.

NW: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DR LEE BOON CHYE**  
**TARIKH : 11 MAC 2009 (RABU)**  
**NO. SOALAN : NO. 72**

**Dr Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan Kolej Komuniti mengikut negeri setakat 31 hb Disember 2008. Sila senaraikan jumlah penuntut mengikut kursus dan kumpulan etnik di kolej tersebut pada tahun 2008.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kolej komuniti yang sedang beroperasi di seluruh negara setakat 31 Disember 2008, adalah 37 buah kolej komuniti induk dan 19 buah kolej komuniti cawangan. Jumlah keseluruhan penuntut adalah seramai 17,094 orang, terdiri daripada 15,722 penuntut Melayu, 681 penuntut India, 310 penuntut Cina dan 381 penuntut dari lain-lain kaum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]**

**TARIKH : 11 MAC 2009**

**SOALAN:**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes mahkamah terhadap Kerajaan Malaysia dibawa oleh rakyat atau syarikat asing yang masih belum diselesaikan dan jumlah tuntutan mereka dari segi wang pada akhir tahun 2008.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

*Tuan Yang di-Pertua,*

Buat makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Mahkamah Majistret seluruh Malaysia setakat 31 Disember 2008, jumlah kes yang dibawa oleh rakyat terhadap kerajaan yang masih tertunggak adalah 1,599 kes dan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM75,094,635.96. Bagi kes-kes yang dibawa oleh syarikat asing pula tiada yang tertunggak.

Bagi Mahkamah Sesyen, seluruh Malaysia setakat 31 Disember 2008, jumlah kes yang dibawa oleh rakyat terhadap kerajaan yang masih tertunggak adalah 166 kes dan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM26,717,44.78. Sementara jumlah kes yang tertunggak yang dibawa oleh syarikat asing adalah 1 kes sahaja dan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM15,789.00.

Bagi Mahkamah Tinggi, seluruh Malaysia setakat 31 Disember 2008, jumlah kes yang dibawa oleh rakyat terhadap kerajaan yang masih tertunggak adalah 68 kes dan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM3,726,136.99. Bagi kes-kes yang dibawa oleh syarikat asing pula, tiada kes yang tertunggak.